

76/2

malaysia

**PERPADUAN
UMMAH
SEMANGAT 46 - PAS**

© Yahaya Ismail

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu dari Dinamika Kreatif Sdn. Bhd.



Dinamika Kreatif Sdn. Bhd.
3B-2, Bangunan Sri Pantai
59200 Kuala Lumpur

**PERPADUAN
UMMAH
SEMANGAT 46 -
PAS**

Yahaya Ismail

RALAT

Selepas membaca halaman 8 harap langkau ke halaman 56.
Selepas membaca halaman 55 kembali ke halaman 9.

Harap maaf kerana sedikit kesilapan teknik.

ISI KANDUNGAN

Sekapur Sirih	V
Omong Kosong	1
Perjuangan PAS Dalam Kemelut Politik UMNO	21
Tanda-tanda Kehancuran BN	38
Cabaran Terhadap Semangat 46	52
UMNO Pecah Jerung Kenyang	60
Penentuan Nasib Melayu Dan Islam	77

493925

30 MAY 1989

Perpustakaan Negara
Malaysia

SEKAPUR SIRIH

Buku ini membawa para pembaca dan peminat politik Malaysia untuk mengikuti perkembangan politik semasa dengan segala sandiwaranya. Perpaduan ummah yang dijalini antara Semangat 46 dengan PAS telah menimbulkan kebimbangan bagi para pemimpin UMNO Baru. Kecaman-kecaman terhadap perpaduan ummah yang berasaskan Islam ini dianggap merbahaya kepada kekuasaan UMNO Baru yang selama ini gagal membawa perpaduan Melayu di kalangan bekas ahli-ahli UMNO dengan UMNO Baru tajaan Mahathir.

Kekuatan politik PAS dan Semangat 46 ini lebih disenangi oleh majoriti rakyat Melayu yang inginkan perubahan kepimpinan politik dari Barisan Nasional kepada yang lain. Alternatifnya ada pada perpaduan ummah dan kekuatan Islam yang diperjuangkan oleh PAS dan Semangat 46 sekarang. Kekuatan inilah yang bakal mencabar kepimpinan Mahathir sebagai suatu perjuangan untuk menghancurkan kemungkaran politik dan ekonomi dan memulihkan semula suara hati nurani rakyat, demokrasi, kebebasan akhbar, kebebasan kehakiman di samping mewujudkan suasana yang lebih stabil dalam politik Malaysia.

Buah fikiran yang dikemukakan di sini adalah pandangan saya sendiri sebagai seorang warganegara yang berbangsa Melayu dan beragama Islam yang inginkan ketuanan Melayu dan kekuatan Islam di negara kita yang tercinta ini. Sekiranya buah fikiran ini boleh menjadi sebagai pangkal bertolak untuk mengentalkan lagi perpaduan ummah antara Semangat 46 dan PAS saya bersyukur kepada Allah dan teruskanlah peningkatkan perjuangan untuk mencari jalan yang lurus.

Kalau ada pihak yang tidak senang dengan fikiran yang bebas ini saya tidak memaksa mereka untuk menerimanya. Ia hanya luahan fikiran seorang warga-negara Malaysia yang tidak ada kepentingan politik peribadi ataupun menjadi jaguh silap mata untuk memukau rakyat banyak.

Kepada para pembaca dan peminat politik Malaysia yang inginkan buah fikiran yang lain dari propaganda dalam media massa maka terimalah sumbangan fikiran yang sederhana ini untuk kita sama-sama merenung nasib bangsa kita sendiri.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat dari

YAHAYA ISMAIL

BAB SATU

OMONG KOSONG

Cakap-cakap tentang perpaduan ummah sudah lama dimamah zaman. Jadi basi, lumat, tersisih dan dilupakan setelah hasrat politik tercapai. Mahathir juga pernah bercakap tentang perpaduan ummah dan mahu menyimpulkan silaturrahim dengan PAS. Anwar Ibrahim lebih meracau lagi bila bercakap tentang perpaduan ummah setelah menjadi menteri secara 'instant' dalam kabinet Mahathir. Kedua-dua tokoh UMNO Baru ini memang mengenali PAS dari dekat kerana kedua-duanya pernah menggunakan pentas PAS di masa lalu untuk membina ketokohan masing-masing.

Akhirnya cakap-cakap perpaduan ummah itu pun ditelan oleh angin lalu. Anehnya cakap-cakap perpaduan ummah ini selalunya timbul sebelum pilihanraya sewaktu pimpinan UMNO dalam keadaan penuh kebingungan. Bila pemimpin-pemimpin UMNO bercakap tentang perpaduan ummah yang lain-lain pun riuh seperti kling karam. Masing-masing mahu tumpang se-kaki untuk sama-sama dengan pemimpin-pemimpin mereka menambah pengaruh mereka yang kian merosot itu.

Rakyat hanya melihat sandiwara yang dimainkan

oleh pemimpin-pemimpin UMNO itu. PAS juga berhati-hati untuk menghulurkan tangan walaupun Islam mengajar umatnya hidup rukun damai dan berbaik-baik sesama muslim. PAS merasakan mereka telah dipermainkan-main-mainkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO di zaman Tun Razak dan juga zaman Tun Hussein Onn. Dulu ahlan wasahlan dan berdakap-dakapan dalam keluarga besar Barisan Nasional. Timbullah Datuk Asri sebagai menteri kabinet BN, Abu Bakar Hamzah dan Mustapha Ali sebagai setiausaha parlimen, dan Yusuf Rawa serta Hasan Adli selaku duta besar Malaysia ke Iran dan Mesir.

Rupa-rupanya kehangatan perpaduan ummah itu tidak berpanjangan. Prinsip perpaduan bukan berdasarkan nilai-nilai Islam tetapi keperluan politik semasa untuk memperteguhkan kedudukan beberapa orang pemimpin UMNO dalam menghadapi cabaran politik dari bukan Melayu. Kerana keperluan politik mengatasi keperluan Islam maka semangat perpaduan itu turun luntur seperti kain batik murahan. Asri yang menganggap PAS itu Asri dan Asri itu PAS akhirnya melepas untuk terus semeja dengan UMNO. Kelantan yang dianggap menjadi serambi Mekah di zaman Asri rupa-rupanya sudah menjadi serambi untuk kenduri arwah bagi politik Asri sendiri.

Kelantan, kubu PAS yang gagah perkasa, telah ditembusi oleh pengaruh UMNO yang banyak duit, banyak muslihat dan banyak menabur janji-janji untuk membawa syurga di bumi ini. Asri sudah hilang serinya lalu membawa diri dengan satu kafilah kecil yang terdiri dari sanak saudara dan sahabat handai menubuhkan HAMIM - Parti Hasbollah Muslimin. Hebat namanya tapi lemah nafsunya.

Lahirilah pemimpin-pemimpin baru dalam PAS yang

terdiri dari tokoh-tokoh muda yang lebih radikal dari Asri. Haji Yusof Rawa terpaksa melepaskan jawatannya sebagai duta besar Malaysia ke Iran untuk memimpin PAS. Ustaz Fadzil Nor, Ustaz Haji A. Hadi Awang, Ustaz Nik Abdul Aziz, Ustaz Mustapha Ali dan beribu-ribu ustaz yang lain mengambil sikap politik yang lebih mirip kepada perjuangan Islam dari zaman Asri. Islam kepada PAS adalah pegangan hidup dan mati, dunia dan akhirat, sumber kekuatan dakwah dan kuasa, iman dan tauhid.

Para pelajar Melayu yang menuntut di Amerika, England, Timur Tengah yang bosan dengan tindak-tanduk politik UMNO dan para pemimpinnya terus menjadi anggota PAS bila kembali ke tanahair. Begitu juga dengan sebilangan para mahasiswa lepasan dari universiti-universiti tempatan, PAS sekarang bukan lagi parti tok lebai. Ia sudah ada aumpph walaupun tidak perlu minum teh Boh.

Hasil dari perpecahan PAS dan kehilangan kuasa di Kelantan lahirlah Berjasa dan Hamim yang dianggap sebagai anak tiri kepada UMNO. Berjasa dan Hamim hanya menempel pada tubuh UMNO untuk menumpang tuah dan berteduh di kala hujan lebat, dan kalau boleh, memagut rezeki yang tertumpah ruah dalam arus kegilaan kuasa.

Tapi apakah yang boleh diperjuangkan oleh Berjasa dan Hamim di tengah-tengah kerakusan dan kemabukan orang-orang UMNO? Datuk Muhammad Nasir, pemimpin Berjasa yang diangkat oleh UMNO, hanya boleh berjasa untuk seketika waktu. Akhirnya dia juga kecewa dan kembalilah berbakti kepada bumi berkebun dan menjaga pokok pisang, kelapa, mangga dan betik di tanahnya bersama-sama isteri mudanya.

Asri lain dari Datuk Muhammad Nasir. Dia tidak

mahu dibentuk oleh nasib tetapi dia sendiri mahu membentuk nasibnya sendiri. Yang penting dia dan kafilahnya yang kecil tetapi setia seperti Laksamana dalam *Hikayat Seri Rama* mesti mendapat habuan dari perjuangan mereka dalam Hamim (Ha... ha... ha... minnnn! Maaf nak bersin pula!). Dulu Asri diam tak bersuara kerana sedang 'bertapa' dan menunggu ketika yang baik untuk keluar dari 'pertapaan'nya. Malangnya Asri tidak ada panau sakti macam Awang Sulung Merah Muda yang boleh memukau siapa saja yang menentanginya. Tapi Asri ada muslihat yang lebih cerdik dari Awang Sulung Merah Muda. Asri ada Hamim, Awang Sulung ada panau sakti.

Bila melihat Mahathir terdesak akibat disampuk oleh bahana cantas-mencantas dan pembunuhan UMNO 46 maka Asri pun mulalah tampil ke depan untuk 'menyelamatkan' Presiden UMNO Baru yang tersepit itu. Tindakan Asri super bijak hingga menakjubkan orang ramai terutama sekali ahli-ahli Hamim sendiri. Apa dia buat? Dia mahu kulluhumkan Hamim supaya hilanglah jasa-jasa Hamim yang tidak berjasa itu dari sejarah politik tanahair.

Bayangkan seorang Presiden Hamim mahu membunuh partinya sendiri! Barangkali Asri mendapat ilham dari Dr. Mahathir yang dengan mudah memamatkan UMNO 46 walaupun dia ada kuasa menurut Akta Pertubuhan 66, fasal 70 untuk mengecualikan UMNO dari Akta tersebut. Barangkali Asri berfikir kalau Mahathir dengan mudah kulluhumkan UMNO tentulah tak susah bagi aku mengambil nyawa Hamim yang sempit-semput itu. Tapi Allah Maha Kaya dan Maha Berkuasa. Niat Asri gagal. Tak dapat majoriti dari para perwakilan untuk menamatkan Hamim.

Maka dukacitalah Asri sebab Hamim tak juga mahu

mati. Liat sungguh nyawa Hamim, lebih liat dari nyawa UMNO 46 itu. Masykollah ia dengan amat sangat. Setelah dikira untung dan rugi, tolak dan campur, darab dan bahagi, maka Asri pun mengambil sikap untuk masuk UMNO Baru. Maka tersiarlah berita besar-besaran melalui TV dan akhbar tentang Asri Haji Muda, bergelar datuk, bekas Presiden PAS dan Hamim, masuk UMNO Baru. Betapa hebatnya Asri bersama Mahathir dalam sidang akhbar tersebut samalah hebatnya bila Anwar Ibrahim masuk UMNO dulu.

Barangkali timbul harapan dalam kepala Asri kalau Anwar boleh jadi menteri 'instant' selepas direnjis dan disintuklimau oleh Mahathir takkanlah aku tak boleh dapat apa-apa dari pengorbanan aku dan pengikut-pengikut aku yang kecil ini. Kata Asri saya bukan mencari pangkat, bukan mencari habuan, tetapi setelah dikaji secara mendalam (apakah sedalam lautan Atlantik?) maka saya berpendapat UMNO di bawah pimpinan Mahathir ini benar-benar berjuang atas landasan Islam!

Hebat sungguh kenyataan Asri yang pernah menjadi Presiden PAS dan Hamim dan pernah menganggap Kelantan sebagai serambi Mekah itu. Rupa-rupanya setelah tukar serban politik dari PAS kepada Hamim rupa-rupanya dia dapati songkok UMNO Baru pula yang lebih baik dari parti-parti politik yang pernah dipimpinya dulu. Syabas, Datuk Asri!

Inilah sandiwara politik nombor wahid selepas UMNO 46 terkubur dan Hamim tak mahu mati. Barangkali orang-orang PAS tersenyum melihat Asri yang bijak berlakon di atas pentas politik. Tapi PAS tidak boleh tepuk tangan melihat sandiwara Asri itu kerana bertepuk tangan bukan budaya PAS.

Mahathir tentu senyum simpul macam anak dara tua

mendapat jodoh bila mendengar kenyataan Asri bahawa Mahathir ialah pemimpin Islam super baik - putih lagi putih dari PAS, Hamim dan juga Berjasa. Maka terhimpunlah 'ulama-ulama' UMNO yang super handal dalam UMNO Baru di bawah bayang-bayang Mahathir. UMNO Baru ada Wan Mokhtar, ada Dr. Yusof Nor, ada Anwar Ibrahim dan ada Asri yang masing-masing bekerja kuat untuk Mahathir terus berkuasa di bawah parti UMNO Baru yang berdaftar pada 13hb. Februari 1988 itu.

Barangkali setelah Asri merangkak masuk UMNO Baru tentulah cakap-cakap perpaduan ummah tidak penting lagi. Mahathir mungkin berasa cukup kuat untuk menemui rakyat dari daerah ke daerah bagi menerangkan hasrat dan cita-cita politiknya yang super baik itu. Dan barangkali Asri jua akan disuruh bercakap untuk memuji dan memuja kepimpinan Mahathir kelak. Dia dah mula pun di Ceras. Tapi Asri yang bercakap di Ceras dan juga di tempat-tempat lain bukanlah Asri yang pernah berkata Kelantan sebagai serambi Mekah dulu. Asri sekarang hanya sebagai ahli biasa UMNO Baru saja dan tentulah menerima arahan apa saja dari Mahathir untuk memuji kehebatan Mahathir. Di sinilah kurangnya status Asri kalau dibandingkan dengan Awang Sulung Merah Muda. Awang Sulung masih ada panau saktinya yang boleh memukau orang lain, dan masih menjadi boss. Asri bukan boss dan tak ada panau sakti pula.

Tapi Mahathir tidak puas hati dengan penyertaan Asri dengan kafilahnya yang kecil dalam UMNO. UMNO Baru masih belum ada aumpph setelah Mahathir menang dengan kelebihan 43 undi dalam Perhimpunan Agung UMNO pada bulan April 1987 yang lalu. Mahathir sedar Asri, Anwar, Wan Mokhtar, Muham-

mad Yaacob, Mohamed Rahmat juga Ghafar Baba tidak boleh menolongnya untuk mengekalkan kekuasaan kalau rakyat menolak kepimpinan Mahathir. Dia juga tahu orang-orang ini menumpang tuahnya. Hilang Mahathir hilanglah mereka sebagai pelakon-pelakon dan tukang-tukang lawak di atas pentas politik UMNO Baru.

Yang Mahathir bimbang ialah pengaruh Tengku Razaleigh Hamzah. Dia tidak bimbang pada Musa Hitam sebab Musa banyak kelemahan yang boleh didedahkan Mahathir kalau dia mahu. Musa menang melawan Tengku Razaleigh waktu merebut kerusi Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1981 itu pun kerana Mahathir sokong Musa di belakang. Begitu juga Anwar Ibrahim yang menang kerusi Ketua Pemuda UMNO. Lagi pun Musa telah tunjukkan belangnya siang-siang lagi. Setelah kalah dalam pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden pada tahun 1987 Musa berlibur di Amerika dan London bersama isteri mudanya. Bila balik ke Malaysia terus masuk UMNO Baru bersama dengan Datuk Abdullah Badawi kononnya nak berjuang dari dalam parti! Bila melihat sambutan terhadap UMNO Baru dingin dan mereka dikecam oleh pejuang-pejuang UMNO 46 Musa pun mencari kesempatan untuk bercerai semula dari Mahathir.

Kemenangan tipis calon UMNO Baru di Tanjung Putri dengan kelebihan 31 undi mengejutkan Musa barangkali. Dia tentulah sedar dan dapat membezakan sambutan rakyat terhadapnya sewaktu jadi anggota UMNO Baru dan selepas bercerai dari UMNO Baru sekarang. Dulu sambutan orang ramai terhadap Musa dingin seperti air es dari Kutub Utara. Bila kembali merujuk kepada Semangat 46 Musa berasa lebih bertenaga lagi untuk bercakap tentang demokrasi, keju-

jurat, pengorbanan serta perpaduan.

Barangkali Mahathir juga sedar Musa masih belum bersedia untuk semeja dengannya lagi. Musa juga barangkali tahu bahawa dia tidak akan dapat mengambil semula jawatan Timbalan Perdana Menteri dari Ghafar Baba setelah tewas dalam pertandingan dulu. Mahathir mahu pengikut-pengikut yang 1000% setia kepadanya, yang kalau disuruh menyanyi mereka menyanyi, suruh melompat mereka melompat, suruh menjerit mereka menjerit. Musa juga tahu walaupun dia masuk UMNO Baru dulu namun kehadirannya tidak disenangi oleh kebanyakan mat-mat setia Mahathir. Musa ada stail. Masuk keluar parti pun mesti ada stail.

Peluang untuk Musa menjadi wira 'part-time' timbul bila Tun Salleh Abas, bekas Ketua Hakim Negara, dipecat dari jawatannya oleh Tribunal yang kononnya didalangi oleh Mahathir. Lalu berkatalah Musa kepada umum bahawa dia keluar dari UMNO Baru kerana tidak senang dengan pemecatan Tun Salleh Abas yang warak dan tidak bersalah itu. Menurut Musa, Mahathir telah menyalahgunakan kuasa dan cuba mempengaruhi kehakiman untuk memecat bekas Peguam Negara tersebut.

Jadilah Musa wira 'part-time'. Banyak orang kagum dengan perisytiharan Musa keluar dari UMNO Baru. Pujian-pujian melimpah ruah hingga boleh karamkan ego Musa sendiri. UMNO Baru berasa kecewa dengan tindakan Musa. Begitu juga Mahathir. Team B pula berasa bangga dengan sikap dan 'prinsip' Musa itu. Tapi tak siapa pun yang dapat menyelami apakah sebenarnya muslihat Musa itu. Ini stail politik Musa. Namanya tak terjejas. Dia masih menjadi wira walaupun 'part-time'.

Rupa-rupanya pembelaan Musa terhadap Tun Sal-

adalah kemahuan rakyat dan juga Allah. Oleh itu pihak yang berkuasa tidak boleh mendabik dada bahawa kuasa itu hak mereka untuk selama-lamanya. Kalau itu pandangan mereka maka mereka menjadi takbur dan mungkar dan kemungkaran begini dibenci oleh Allah.

Kebimbangan UMNO Baru dan para pemimpinnya kerana mereka tahu mereka tidak dapat lagi mempertahankan 'credibility' mereka. Terlalu banyak kemungkaran politik dan ekonomi yang berlaku. Malah ada antara para pemimpin itu yang korap, gila betina, merebut isteri orang dan melakukan berbagai kemungkaran yang lain. Maruah dan 'credibility' sudah dipertikaikan orang dan mereka bimbang sekiranya rakyat menolak UMNO Baru dan BN bermakna kehidupan mereka akan lebih menderita lagi. Banyak antara para pemimpin UMNO Baru yang terlibat dengan hutang berjuta-juta ringgit dan cuba menyelesaikannya dalam masa pemerintahan ini.

Tetapi kalau perjuangan Semangat 46 bersandarkan Islam dan berjuang kerana Allah untuk menghapuskan kemungkaran politik dan ekonomi negara dan menggantikan kerajaan sekarang maka sokongan rakyat akan berpindah kepada mereka dan PAS. Oleh itu Semangat 46 mestilah berteraskan Islam dan tidak hanya kepada nasionalisme Melayu seperti UMNO Baru. Sungguhpun Sanusi Junid pernah berkata UMNO adalah parti Islam yang terbesar di dunia namun pengertian Islam kepadanya hanya atas dasar Melayu itu Islam dan bukan atas dasar ideologi Islam yang dianuti PAS.

Tengku Razaleigh dan para penyokongnya tidak perlu gentar terhadap cabaran yang datang dari UMNO Baru. Mereka mesti menjalin silaturrahim dengan PAS untuk mencorak dan membentuk suatu angkatan pe-

Shahrir juga mahu jadi wira 'part-time'. Sejak kemenangannya di JB dia cuba menggerhanai sumbangan orang-orang lain dan menganggap dialah satu-satunya pemimpin politik dari Team B yang paling berjasa sekali untuk memperjuangkan kepentingan Melayu. Dia lupa tanpa sokongan dan bantuan Tengku Razaleigh dan para penyokong Team B yang lain Shahrir mungkin kecundang di JB.

Bila berlaku kekosongan kerusi di Parit Raja setelah Syed Zain meninggal dunia, Shahrir dan Musa cuba menjadi jagoan untuk merancang strategi calon Team B, Haji Hamdan bin Hj. Yahya. Kedua tokoh tersebut tanpa berunding dengan lain-lain tokoh Team B terus membuat keputusan sendiri-sendiri. Tujuan mereka jelas. Mereka tidak mahu Tan Sri Othman Saad turut campur untuk menjadi pengarah pilihanraya kecil Parit Raja. Kalau boleh biar Othman Saad jangan campur langsung. Mereka juga tidak mahu bantuan tenaga dari penyokong-penyokong Team B dari luar Johor. Kononnya mereka sendiri boleh membawa kemenangan kepada calon Team B di situ. Akibatnya Haji Hamdan kalah untuk menumbangkan calon UMNO Baru sebanyak 413 undi!

Memang ada faktor-faktor lain yang menyebabkan Haji Hamdan kalah di situ. Tapi janganlah pula hanya menyalahkan orang lain tanpa melihat kelemahan diri sendiri. Shahrir dianggap sebagai seorang tokoh politik yang terlalu besar egonya, sombong dan sukar dibawa berunding. Musa pula mempunyai muslihatnya yang tersendiri untuk memprojeksikan diri dan kewiraannya melalui pilihanraya kecil itu.

UMNO Baru tidak menyangka akan menang di Parit Raja. Mahathir, Ghafar dan Mohamed Rahmat dinasihati jangan turun ke situ takut akan menjejaskan

harapan calon UMNO Baru. Shahrir dan Musa terlalu 'overconfident' dan akhirnya Haji Hamdan jadi mangsa.

Sedang Semangat 46 merancang strategi untuk meluaskan pengaruh politiknya Musa pula dengan diam-diam berunding dengan Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin, Menteri Besar Johor, untuk apa yang dikatakan sebagai mencari jalan untuk perpaduan UMNO. Apakah sebenarnya Musa mencari perpaduan UMNO atau mencari ikhtiar bagi memulihkan semula penyertaannya dalam UMNO Baru?

Musa tidak akan bertindak sesuatu kalau tidak memberi faedah kepada dirinya. Dia tahu bahawa dia tidak boleh mengatasi ketokohan Tengku Razaleigh Hamzah untuk menjadi juara Team B. Walaupun pengakuan terbuka dibuat untuk menerima kepimpinan Tengku Razaleigh sebagai pemimpin Semangat 46 dan Datuk Rais Yatim sebagai timbalannya namun tindak-tanduk Musa sekarang ini memperlihatkan selernya yang berlainan sekali dari hasrat Semangat 46.

Betul Musa menyokong Tengku Razaleigh bila wakil rakyat Gua Musang membawa usul peribadi untuk meminta pindaan Akta Pertubuhan 1966 di Parlimen namun Musa tidak bercakap banyak. Dia hanya membiarkan pembantunya yang setia, Shahrir, berdebat. Musa seolah-olah tidak mahu mendedahkan apa yang tersembunyi dalam hatinya di waktu itu. Dia sedar usul itu akan ditolak justeru itu dia tidak mahu berdebat dengan panjang lebar tentang pemulihan UMNO 46 kerana dia mempunyai muslihat lain yang boleh memulihkan ketokohnya dan menggerhanakan ketokohan Tengku Razaleigh Hamzah.

Maka berlakulah apa yang dihajati oleh Musa dan Shahrir. Kononnya 53 buah pertubuhan Melayu Johor (tidak dinyatakan pun nama pertubuhan-pertubuhan

itu) telah bersetuju mengadakan Perhimpunan Perpaduan Melayu Johor di mana kononnya 200 para perwakilan hadir dan disertai pula oleh 200 pemerhati-pemerhati dari golongan politik. Pengerusinya Prof. Jalil Hassan, bekas Mufti Johor dan disertai pula oleh bekas isteri Tun Razak, Tun Dr. Ismail dan orang-orang pencen Melayu Johor yang lain.

Tapi yang penting dalam perjumpaan itu bukan orang-orang pencen yang menjadi penganjur pertemuan tersebut. Kehadiran Datuk Musa Hitam, Datuk Shahrir tanpa disertai oleh Tan Sri Othman Saad menjadi terlalu menjolok sekali. Walaupun orang-orang pencen yang mengendalikan pertemuan itu rakyat tahu siapa di belakangnya - UMNO Baru.

Tentulah kurang kena pada tempatnya suatu perhimpunan Melayu yang dihadiri oleh orang-orang Johor sahaja mahu membicarakan isu perpaduan Melayu yang bersifat nasional. Musa dan Shahrir dijemput kerana mereka orang Johor dan lebih penting lagi kerana mereka dianggap pendukung Semangat 46. Tapi apakah pemimpin-pemimpin Semangat 46 yang lain merestui kehadiran Musa dan Shahrir? Yang saya tahu mereka tidak diberi mandat apa-apa oleh jawatankuasa tertinggi Semangat 46.

Pada Musa dan Shahrir barangkali mereka tidak ambil pusing apakah mereka dianggap sebagai mewakili Semangat 46 ataupun sebagai anak watan Johor. Yang penting mereka boleh mencari kesempatan dalam kesempitan memburu kuasa sekarang. Yang lebih penting lagi Musa dan Shahrir hendak menjadi wira 'full time' bagi negeri Johor. Kalau rakyat Melayu Johor terima mereka sebagai wira Melayu Johor 'full time' melompatlah mereka penuh kegirangan.

Tapi apakah rakyat Melayu Johor menerima Musa dan Shahrir sebagai pemimpin mereka? Belum pasti lagi. Pengaruh Tan Sri Othman Saad juga ada. Mohamed Rahmat tentulah tidak senang hati kalau Musa dan Shahrir cikit tinggi darinya dalam sandiwara politik Melayu Johor. Tukang-tukang lawak yang mencari habuan dalam UMNO Baru juga tentu tidak senang hati. Begitu juga Mat-Mat Setia yang lain.

Musa dan Shahrir berpendapat sekiranya mereka dapat menjadi wira 'full time' di Johor tentulah kewiraan mereka boleh diterima oleh rakyat Melayu di negeri-negeri lain. Orang-orang Johor mendewa-dewakan bahawa di Johor itulah UMNO ditubuhkan, dipelopori oleh orang-orang Johor sendiri dengan Datuk Onn Jaafar sebagai pemimpinnya. Betul tapi kalau orang-orang Melayu di negeri-negeri lain juga tidak turut serta menentang *Malayan Union* apakah orang-orang Johor boleh menumpaskan gagasan British itu? Tentu tidak.

Jadi terlalu banyak manusia hendak menjadi dewa dan pemimpin-pemimpin angkat diri sendiri di tengah-tengah kemelut politik Melayu yang bersimpang siuran sekarang ini. Bukan saja mereka sanggup memalsukan sejarah perjuangan bangsa sendiri tetapi juga sanggup mengangkat diri sendiri untuk diterima rakyat sebagai pemimpin-pemimpin pula.

Kalau Musa hendak menjadi pemimpin Semangat 46 melalui perjumpaan orang-orang Johor yang baru lalu saya kira dia silap langkah. Terlalu banyak Musa menabur berbagai pandangan yang mencaci kepimpinan Mahathir sejak April 1987 yang lalu. Terlalu banyak kenyataan-kenyataannya yang merosakkan dirinya sendiri. Yang nyata kepada rakyat Melayu Musa sudah hilang pedoman. Mula-mula berganding bahu dengan Tengku Razaleigh menentang Mahathir. Bila

kalah lompat kepada UMNO Baru. Bila melihat sambutan terhadapnya dingin dia keluar balik. Pakai semula baju UMNO lama dan menjerit semula slogan Semangat 46. Kini berjinak-jinak pula dengan sebahagian besar dari pendukung-pendukung Mahathir di Johor untuk membersihkan dirinya dari sebarang sangkaan buruk khususnya dari kalangan puak Mahathir.

Kalau inilah sikap pemimpin Melayu yang sanggup melompat dari satu dahan ke dahan yang lain apakah yang boleh diharapkan oleh rakyat Melayu dari kepimpinan seumpama itu? Malaysia bukanlah 'a beruk country' di mana Maharaja Beruk boleh melakukan sesuka hatinya tanpa bantahan dan kritikan dari rakyatnya.

Musa juga bukan macam Awang Sulung Merah Muda yang ada 44 panau kesaktian. Dia juga bukan macam Asri yang menjadi Presiden Hamim tapi gagal untuk mematikan Hamimnya. Dia gelisah kerana tidak dapat menjadi orang besar dalam UMNO Baru dan tidak diberi penghormatan sebagai seorang bekas Timbalan Perdana Menteri. Dia juga tidak senang hati kerana majoriti pendukung-pendukung Semangat 46 tetap menjulang tinggi kepimpinan Tengku Razaleigh.

Musa dan Shahrir hendak memperalatkan perhimpunan di Johor Bahru itu untuk menagih berbagai faedah dari Mahathir. Bukankah Shahrir dan Musa yang sanggup bertemu empat mata dengan Mahathir dan Ghafar dulu? Kononnya hendak membincang masalah perpaduan dalam UMNO tetapi Tengku Razaleigh menolak bertemu lapan mata kerana beliau berpendapat masalah perpaduan ummah bukan boleh diselesaikan oleh empat orang tokoh. Barangkali Musa berasa kecewa dengan sikap Tengku Razaleigh itu. Tapi dia terpaksa mencari jalan lain supaya dialog dengan Mahathir diteruskan juga. Dengar cerita Musa juga per-

nah menemui Mahathir, Sanusi Junid dan juga Anwar Ibrahim sejak kebelakangan ini. Hal ini tidak pernah diberitahu kepada para pemimpin Semangat 46.

Kini jelas sudah muslihat Musa dan Shahrir yang sanggup berunding dengan Mahathir walaupun kenyataan-kenyataan mereka sebelum ini memusuhi Mahathir dan mempertikaikan kepimpinan Mahathir. Nampaknya mereka terpaksa mengalah kepada Mahathir kerana kedua tokoh Johor ini sudah kehilangan pedoman dalam perjuangan dan merasai diri dan jiwa mereka tersisih dari Semangat 46 yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh.

Oleh kerana Musa dan Shahrir tidak dapat mempengaruhi kebanyakan tokoh Semangat 46 untuk bekerjasama dengan Mahathir maka mereka mencari saluran lain untuk memenuhi hajat mereka. Mereka menggunakan forum perpaduan Melayu Johor Bahru yang didalangi oleh UMNO Baru untuk memulihkan maruah kepimpinan mereka yang terjejas itu. Barangkali Tan Sri Haji Muhyiddin menganggap dia telah berjaya mempengaruhi Musa dan Shahrir untuk menerima kepimpinan Mahathir. Musa dan Shahrir pula mungkin berpendapat forum Johor Bahru ini boleh menjadi batu loncatan yang baik untuk memulihkan status mereka sebagai pemimpin Melayu Johor.

Musa dan Shahrir hendak membuktikan kepada Mahathir bahawa mereka masih diterima oleh masyarakat Melayu Johor sebagai pemimpin-pemimpin yang ada pengikut. Harapan mereka Mahathir menjadi lembut dan menyerah kalah dan menerima segala syarat kemasukan Musa dan Shahrir ke dalam pelukan UMNO Baru tanpa meletakkan mereka sebagai pemimpin-pemimpin tawanan. Mereka ingin membuktikan kepada Mahathir seolah-olah kedua orang ini mendapat sokong-

an bulat dari Melayu Johor.

Tapi apakah kedua tokoh ini benar-benar mendapat sokongan bulat dari masyarakat Melayu Johor? Belum tentu lagi. Banyak orang berpendapat Melayu Johor tidaklah bodoh dalam sepak terajang politik, dan tahu menilai antara pemimpin oportunistis yang berdolak-dalik dengan pemimpin-pemimpin yang ada maruah dan prinsip. Mahathir juga tidak sebodoh yang disangka untuk menerima Musa dan Shahrir dengan tangan terbuka dan memberi kedudukan penting dari lain-lain tokoh yang lebih setia kepadanya. Mahathir pernah berucap bahawa siapa yang setia kepadanya akan mendapat ganjaran yang wajar dengan kesetiaan itu.

Ada juga orang berpendapat bahawa Musa sanggup kembali ke dalam UMNO Baru kerana ia meramalkan Mahathir tidak akan lama di Seri Perdana memandangkan pergolakan politik yang hebat berlaku baik dalam BN mahupun dalam UMNO Baru dan juga masyarakat Melayu umumnya. Musa mengharapkan Mahathir akan melantiknya sebagai Timbalan Perdana Menteri kelak dan melepaskan Ghafar Baba hanyut dalam kesedihan. Dan takdirnya Musa menggantikan tempat Mahathir sebagai Perdana Menteri, Musa akan melantik Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri pula. Musa tidak akan melantik Datuk Abdullah Badawi, orang kuatnya kerana imej dan kepimpinan Abdullah Badawi menjadi semakin pudar setelah terlalu kuat menyokong kepimpinan Mahathir sejak merujuk kepada UMNO Baru. Dan pengaruh Dollah juga kian berkurangan di kawasan Utara akibat perlantikan Anwar sebagai Ketua Perhubungan UMNO Pulau Pinang.

Barangkali inilah senario rancangan politik Musa kalau berada dalam UMNO Baru sekali lagi. Tapi apakah dia benar-benar yakin bahawa UMNO Baru

akan terus berkuasa selepas pilihanraya akan datang? Hanya Allah Yang Maha Mengetahui dan Allah sahaja Yang Maha Berkuasa.

Waktu kalah menentang Mahathir Musa keluar negeri bersama isterinya yang tercinta. Tinggallah anak-anak buahnya seperti anak ayam kehilangan ibu. Tengku Razaleigh tetap berpegang pada prinsip perjuangan untuk menghidupkan Semangat 46. Dia tidak pernah merintih dan merayu kepada Mahathir untuk diterima sebagai pemimpin. Dia juga tidak mahu meninggalkan ratusan ribu para penyokongnya tanpa sebab. Menang kalah dia tetap bersama-sama dengan para penyokong Semangat 46.

Kesetiaan inilah yang dilihat oleh rakyat Melayu. Inilah prinsip perjuangan seorang pemimpin, seorang patriot, seorang tokoh yang ada maruah dan harga diri. Dia bukan seorang pemimpin yang cakap lain, buat lain. Dia tidak berbisik-bisik dengan Menteri Besar untuk mencari kedudukannya sebagai pemimpin politik bertaraf nasional. Ini perjuangan Tengku Razaleigh yang diketahui oleh seluruh rakyat - baik yang pro Mahathir mahupun rakyat biasa.

Atas ketokohan inilah banyak orang-orang Musa menyokong kepimpinan Tengku Razaleigh sekarang. Datuk Zainal Abidin Zin, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, Datin Paduka Rahmah Osman, Haji Tajuddin A. Rahman yang pernah menjadi orang kuat Musa di masa lalu kini tetap sehidup semati dengan perjuangan Tengku Razaleigh. Musa hanya ada Shahrir dan barangkali satu kafilah kecil para pengikut yang taksub kepadanya. Tapi tentulah kafilah ini tidak dapat membawa muatan masalah kemungkar politik dan ekonomi yang berlaku sekarang ini.

Kata setengah pejuang Semangat 46 kalau Musa dan

Shahrir menerima kepimpinan Mahathir bermakna mereka juga menerima kemungkar politik dan ekonomi yang dilakukan oleh Mahathir. Mereka tidak boleh selama-lamanya menjadi pemimpin-pemimpin yang munafik. Mereka tidak boleh mendabik dada bahawa perjuangan mereka ialah untuk membawa perpaduan Melayu kerana tindak-tanduk mereka itu dianggap sudah menyeleweng dari perjuangan Semangat 46.

Oleh itu, kata beberapa orang pemimpin Semangat 46, ketiadaan Musa dan Shahrir dalam kelompok Semangat 46 tidak melemahkan semangat mereka. Kalau Musa dan Shahrir mahu menerima kepimpinan Mahathir terimalah. Kalau mahu kembali menjadi wira 'part-time' dalam UMNO Baru terimalah. Itu hak mereka tapi perjuangan perpaduan Melayu, menurut orang-orang Semangat 46, bukan cara Musa atau Shahrir.

Kesimpulannya Musa dan Shahrir hanya hendak memperalatkan perjumpaan Melayu Johor untuk mencari tempat berteduh agar tindak-tanduk mereka itu dianggap sebagai mencari perpaduan Melayu dalam UMNO Baru. Musa ingin menutup segala muslihat dan kelihaiannya melalui perjumpaan itu dengan harapan Mahathir dan kuncu-kuncunya akan menerima ia dan Shahrir kembali dalam pelukan UMNO Baru menurut stailnya.

Tapi kepada pejuang-pejuang Semangat 46 Musa dan Shahrir bertindak atas kemahuan diri mereka bukan atas arahan pucuk pimpinan Semangat 46. Mereka tidak boleh menjadi jurubicara Semangat 46 kerana kehadiran mereka dalam perjumpaan itu bukan atas hasrat pucuk pimpinan Semangat 46.

Mahathir barangkali menganggap bahawa sudah ada keretakan dalam perpaduan Semangat 46. Mahathir

dan gengnya akan mainkan isu 'perpecahan' ini untuk melumpuhkan perjuangan Semangat 46. Tapi itu hanya khayalan Mahathir. Ada atau tidaknya Musa dan Shahrir dalam Semangat 46 tidak menjejaskan perjuangan golongan ini kerana selama ini pun pucuk pimpinan Semangat 46 tidak terlalu mengharapkan sumbangan besar dari Musa atau Shahrir. Malah dikatakan Musa dan Shahrir pun jarang-jarang menghadiri mesyuarat pucuk pimpinan Semangat 46 di Kuala Lumpur.

Musa dan Shahrir tidak penting kerana mereka bukan pemimpin Melayu yang boleh membimbing rakyat Melayu untuk mencari kebenaran dalam perpaduan ummah yang lebih besar dari perpaduan Melayu melalui UMNO Baru. Musa dan Shahrir berjuang dalam arena sepak terajang politik yang kecil melalui pegawai-pegawai pencen dan tokoh-tokoh politik pencen dari Johor untuk mengembalikan kegemilangan kepimpinan Melayu Johor. Semuanya sudah terlambat. Nasi sudah menjadi bubur, dan bubur pula sudah basi.

Tengku Razaleigh dan orang-orangnya tidak melihat perpaduan Melayu melalui UMNO Baru kerana UMNO Baru hanya lahir atas tajaan Mahathir, Ghafar Baba, Mohamed Rahmat dan Daim Zainuddin pada 13hb. Februari 1988. Tengku Razaleigh melihat perpaduan ummah dalam wadah yang lebih besar yang berteraskan Islam dan merangkumi seluruh ummat Islam dan parti-parti politik Islam.

Dia bukan seperti Asri atau Mahathir yang sanggup membunuh parti politik mereka sendiri. Dia juga tidak seperti Musa yang sanggup melompat pada UMNO Baru bila melihat graf politiknya merosot turun. Dia ada maruah dan dia ada aumpph. Dia banyak pengikut dan ada prinsip. Dia sanggup mengharungi cabaran walaupun di tengah ribut dan taufan yang menggegarkan bumi

Malaysia. Dan yang paling penting dia tidak sanggup mencari kesenangan peribadi di atas penderitaan ratusan ribu para penyokongnya di seluruh negara.

Ini perjuangan Tengku Razaleigh Hamzah. Ini yang tidak ada pada Musa dan Shahrir.

BAB DUA

PERJUANGAN PAS DALAM KEMELUT POLITIK UMNO BARU

Ada setengah pihak dalam PAS berpendapat perpecahan dalam UMNO adalah disebabkan Allah murkai segala tindak-tanduk para pemimpin UMNO yang banyak melakukan penganiayaan dan kezaliman terhadap penentang-penentang UMNO. Ibrahim Libya dan beberapa orang pengikutnya yang tidak berdosa dibunuh dengan kejam di Memali. Peristiwa Memali mengejutkan seluruh rakyat. PAS menganggap kematian Ibrahim Libya dan orang-orangnya sebagai mati syahid. Mereka yang tidak berkuasa hanya menyerahkan kepada Allah untuk membela kematian para syuhada tersebut. Doa, bacaan yasin dan sembahyang hajat dilakukan di mana-mana saja hingga sekarang untuk meminta perlindungan dan pembalasan dari Allah Ta'ala.

Selepas peristiwa berdarah di Memali, Baling berlaku pula pembunuhan terhadap penyokong PAS di Lubuk Merbau. Lagi sekali mereka menyerahkan permintaan mereka kepada Allah, dan lagi sekali sem-

bahyang hajat, bacaan yasin dan doa dipanjatkan kepada Allah. Lepas itu berlaku lagi penangkapan borongan yang melibatkan bukan saja para pemimpin PAS tetapi juga golongan-golongan lain yang dianggap oleh rejim Mahathir sebagai pengacau ketenteraman awam. Lagi sekali orang-orang PAS memanjatkan doa kepada Allah dan meminta perlindungan dari-Nya.

Menurut Islam doa dan permintaan orang-orang yang tidak berdosa dan yang dianiyai itu selalunya makbul kerana Allah Maha Berkuasa, Maha Mengetahui. Maka berlakulah apa yang dikehendaki Allah. UMNO yang dulunya gagah perkasa tiba-tiba retak dan pecah. Mahathir sendiri bimbang terhadap kekuasaannya setelah memenangi 43 undi lebih dari Tengku Razaleigh Hamzah. Berlakulah cantas-mencantas, tekan-menekan dan ugutan aneka macam terhadap ahli-ahli UMNO yang menentang kepimpinan Mahathir.

Sungguhpun Mahathir masih berkuasa namun ia sendiri tidak dapat mengawal perpecahan dalam tubuh parti ciptaannya sendiri. Sungguhpun dia bercakap tentang perpaduan Melayu dan diikuti pula oleh tukang-tukang lawak yang lain namun UMNO Baru tidak lagi stabil dan dihormati ramai seperti UMNO 46. Walaupun rakyat dipaksa dan diberi makan minum percuma untuk menghadiri semarak dan bernyanyi lagu 'Setia' namun kesetiaan yang hakiki tidak juga diperolehi. Segalagalanya mahu dibayar untuk mendapat perhatian rakyat. Inilah yang dikatakan politik wang nombor wahid super moden.

Nampaknya segala bacaan yasin, sembahyang hajat dan doa-doa yang dipasrahkan kepada Allah sudah ada ganjarannya. Peluang PAS untuk mencari kekuasaan sudah terbuka luas. Ideologi Islam yang menjadi perisai perjuangannya selepas Asri menjadi semakin menarik

perhatian orang ramai terutama sekali di kalangan rakyat Melayu dan Islam yang inginkan perubahan dalam pemerintahan negara.

Memanglah PAS telah mengharungi berbagai kepedihan hidup dalam menghadapi hantu puaka dalam politik nasional dan juga politik dalam tubuh PAS sendiri. Namun pegangannya yang kuat terhadap Islam sebagai sinar iman dalam perjuangan telah dapat mengatasi segala kepedihan hidup itu. Hari ini PAS bukan seperti PAS zaman Asri. Jiwa orang-orang PAS seperti besi kursani yang kebal terhadap apa saja yang cuba meracuni jiwa dan perjuangan mereka.

Sekarang peluang keemasan sudah terbuka untuk PAS melangkah ke depan dengan segala kekuatan iman dan kekuatan para penyokongnya. PAS tidak menghadapi krisis kepimpinan seperti dalam UMNO Baru, MIC, MCA, Gerakan dan PPP dalam keluarga besar Barisan Nasional. Ia kompak, ia kuat, ia ada aumpph.

Soalnya apakah PAS mampu berjuang sendirian untuk membentuk kerajaan alternatif sekarang dan akan datang? Apakah PAS dengan kekuatan dan kelemahan yang ada dalam tubuhnya sanggup berjuang sendirian untuk menguasai kepimpinan kerajaan Pusat dan negeri?

PAS perlu menilai dengan semasak-masaknya kekuatan dan juga kelemahannya tanpa dikuasai oleh emosi dan sentimen yang tidak bertepi. Dalam pilihanraya nasional tahun 1986 PAS memperolehi 700,000 undi dari orang-orang Melayu dan UMNO cuma memperolehi 1.4 juta undi dari orang-orang Melayu campur bukan Melayu. Ini adalah kekuatan yang ada pada PAS tapi malangnya PAS cuma mendapat satu kerusi saja di Parlimen Malaysia, dan beberapa buah kerusi ADUN di Kelantan, Terengganu dan

Kedah. Dengan kata lain, walaupun PAS mempunyai undi yang cukup besar tetapi menurut konsep demokrasi amalan di Malaysia ia masih belum mampu untuk meraih banyak kerusi untuk negeri dan juga Parlimen.

Oleh itu PAS perlu merancang strateginya dengan lebih baik dan lebih kemas lagi. Ia harus sedar bahawa kekuatannya terbatas dan kemampuannya juga terbatas. Lojistiknya juga terbatas, dan infrastruktur pentadbirannya juga perlu di'up-to-date'kan. Walaupun PAS mengadakan seminar dan siri ceramahnya di seluruh negara namun kemampuannya itu masih belum cukup meyakinkan rakyat bahawa ia boleh menjadi parti alternatif kepada UMNO Baru untuk menggantikan kepimpinan Mahathir.

Oleh itu PAS perlu bekerjasama dengan Semangat 46 untuk memperkukuhkan barisan bagi menentang kemungkaran politik dan ekonomi yang dilakukan oleh kerajaan Mahathir. Justeru itu ia harus lebih praktikal dalam perjuangan politik kerana politik yang tidak mahu mencari kuasa adalah politik orang mati. Tuhan telah berfirman bahawa Ia tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubahnya.

Kebijaksanaan dalam berpolitik juga penting. Mencari keadaan yang sesuai untuk bertindak dan mengisi kekosongan juga penting. Mencari kawan untuk berunding dan menyusun strategi untuk mencapai kemenangan juga penting. Inilah ketika yang paling ampuh untuk PAS mengambil kesempatan dalam kemelut politik UMNO Baru yang haru-biru itu.

Kalau para pemimpin PAS bertindak lambat, kurang menghayati keadaan politik secara mendalam maka peluang keemasan seperti ini belum tentu akan lahir sekali lagi. Inilah peluangnya, inilah masanya.

Di masa lampau PAS sendirian dalam perjuangan untuk merebut kekuasaan. Walaupun dia menang dan berjaya menubuhkan kerajaan di Negeri Kelantan selama 19 tahun dan juga Terengganu untuk beberapa tahun namun kekuasaan itu pun rontok akibat krisis yang berlaku dalam tubuh PAS sendiri, dan krisis ini dieksploitasikan oleh UMNO untuk menumbangkan kerajaannya. Sejak kejatuhan kerajaan PAS di Kelantan ia terus berkelana, membuat kritik diri dan terus mengentalkan lagi perjuangannya menurut ideologi Islam. Akhirnya PAS berjaya melipatgandakan lagi semangat ketahanannya untuk berjuang atas lunas-lunas Islam berkat kepimpinan PAS yang lebih dinamis dan lebih gigih dari PAS di bawah Asri yang lalu.

Namun demikian PAS juga membuat kesilapan strategi dalam perjuangannya apabila ia bekerjasama dengan CCC untuk menghadapi kekuatan Barisan Nasional dalam pilihanraya nasional tahun 1986. Gembur-gembur dalam akhbar yang dikuasai oleh UMNO memperlihatkan ketempangan dari gagasan kerjasama antara PAS dan CCC itu. Kebanyakan orang-orang Melayu berpendapat bahawa PAS sanggup menghapuskan hak istimewa orang-orang Melayu, sanggup menghalalkan Mandarin sebagai salah satu bahasa rasmi negara dan dianggap pula tidak suka terhadap institusi raja-raja Melayu kerana dalam pemerintahan berdasarkan Islam institusi raja tidak penting.

Katalah PAS tidak bermaksud demikian kerana itu hanya propaganda yang ditabur oleh UMNO namun kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh setengah pucuk pimpinan PAS di masa lalu sedikit sebanyak menyentuh juga isu-isu di atas.

Oleh kerana itu majoriti orang-orang Melayu menjadi bimbang kerana orang Melayu tidak dapat mene-

rima hakisan kekuasaan politik Melayu yang dominan itu. Ini kenyataannya. Walaupun mereka beragama Islam dan menjulang tinggi kesucian Islam namun mereka juga sayangkan bangsa sendiri. Semangat kebangsaan Melayu masih tebal lagi dan ia tidak boleh dihapuskan dengan sekelip mata hatta walaupun mereka beragama Islam.

Kenyataan politik dengan ideologi Islam adalah berlainan. Arab Saudi mengamalkan dasar-dasar pemerintahan Islam namun demikian ia juga mementingkan nasionalisme Arab Saudi. Arab Saudi juga tidak mahu negaranya dibanjiri oleh orang-orang Islam dari negara-negara lain untuk menjadi rakyatnya. Kalau benar Arab Saudi mengamalkan ideologi Islam dalam pemerintahannya maka ia perlu terima semua bangsa yang beragama Islam menjadi warganegara dengan mudah kerana Islam mengajar kita menerima persaudaraan Islam tanpa mengenali bangsa, adat resam dan sebagainya. Dengan kata lain, Arab Saudi juga mementingkan nasionalismenya di samping Islam. Inilah yang dikatakan 'practical politics'.

Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia sudah pasti unsur kebangsaan Melayu dan Islam sama pentingnya. Malah pelaksanaan konsep negara Islam seperti di Arab Saudi yang 100% Islam itu dianggap tidak praktikal dalam konteks masyarakat majmuk di sini. Tetapi ini tidak bermakna penerapan nilai-nilai Islam yang luhur tidak boleh diamalkan. Cuma caranya saja yang berlainan, dan cara yang khas Malaysia hendaklah difikirkan dengan masak oleh para pemimpin PAS agar tidak menimbulkan kebimbangan dan salah tafsir oleh masyarakat majmuk di Malaysia.

Pada hemat saya PAS harus menyedari kenyataan politik masyarakat majmuk di Malaysia ini terlebih

dulu. Ideologi Islam yang dianutinya harus disesuaikan dengan jalur-jalur dan warna-warna yang wujud di bumi ini. Bukankah Islam itu agama seluruh zaman? Kalau begitu, Islam dapat disesuaikan dalam apa masyarakat sekalipun untuk mencapai 'Addin'nya. Tidak perlu heboh-heboh secara teoritis tentang pengwujudan sebuah negara Islam yang unggul di bumi ini kalau PAS masih lagi belum bertindak untuk merebut kuasa dari Barisan Nasional.

Yang perlu diutamakan ialah mencari kuasa. Kalau ada kuasa PAS boleh merancang strategi dan dasar-dasarnya yang sesuai dengan adat resam dan aspirasi masyarakat majmuk di tanahair kita. Islam mengajar kita bersederhana dalam semua tingkah laku termasuklah dalam soal pemerintahan. Kalau dalam Islam terdapat empat mazhab yang besar bermakna Islam bersifat fleksibel, tidak kejam, tidak zalim dan tidak menganiayai mereka yang tidak sealiran dengan pandangan yang berkuasa. Kalau Islam mengajar kita bermesyuarah bermakna ia lebih demokratis dan lebih baik dari ajaran demokrasi yang diamalkan di tanahair kita dewasa ini.

Kalau PAS kurang liberal dalam tafsiran ideologi Islamnya besar kemungkinan ia sukar mempengaruhi majoriti orang-orang Melayu untuk menyokong perjuangannya kelak. Bersederhanalah dalam mentafsirkan nilai-nilai politik budaya Islam itu agar PAS dapat mencapai matlamatnya iaitu mendapatkan kekuasaan dan mandat rakyat. Revolusi ala Iran tidak sesuai di tanahair kita ini walaupun barangkali ada orang terlalu kagum dengan semangat revolusi tersebut. Iklim politik budaya di Malaysia jauh berbeza dari Iran. Komunis juga mencuba menumbangkan kerajaan secara keke-

rasan di bumi ini tapi gagal kerana komunisme itu tidak sesuai dalam konteks masyarakat majmuk seperti Malaysia. Walaupun Afghanistan diperintah oleh golongan komunis namun sekarang ia menghadapi kehancuran dari pejuang-pejuang Mujahiddin Islam.

Kita perlu menerima segala unsur yang baik dari mana-mana sumber sekalipun untuk menambah kekuatan semangat dan memperhaluskan strategi politik supaya mencapai kemenangan. Jadi kita tidak boleh bersifat dogmatis dan bertindak atas dorongan nafsu dan prasangka. Kita akan kecewa kalau kita tidak menghayati perubahan-perubahan nilai sosial, budaya dan aspirasi rakyat dari masa ke masa.

Perlulah diingat bahawa Gorbachev sendiri terpaksa memberi kebebasan yang lebih liberal dalam pentafsiran ideologi komunismenya dengan apa yang dikatakan sebagai *glasnotch* dan *Perestroika* untuk membendung perpecahan dalam kem komunis. Begitu juga yang berlaku di negara komunis China dewasa ini. Ini bermakna pentafsiran ideologi yang lebih liberal menurut peredaran masa perlu ada.

PAS harus sedar bahawa ia masih lagi sebuah parti politik pembangkang. Oleh itu ia masih belum lagi berjaya menerapkan segala nilai-nilai dan dasar yang sesuai dengan pegangan ideologinya. Dengan demikian segala dasar dan falsafah politiknya hanya sebagai teori untuk santapan rohani, memperteguhkan azam dan semangat dalam perjuangan. Hanya setelah PAS berkuasa dengan kelebihan suara yang cukup kuat di Parlimen barulah ia boleh menerapkan dasar-dasarnya yang dianggap penting itu.

Jadi kuasa itu maha penting. Dan PAS mesti bertindak segera untuk menyusun barisan, mengemaskan jentera parti dan membina infrastruktur dan lojistik yang baik

dan licin untuk menghadapi pilihanraya yang tidak lama lagi. PAS tidak boleh lambat mengambil sesuatu keputusan atau membuat sesuatu perancangan. Perubahan politik yang terlalu cepat dewasa ini meminta perhatian yang lebih serius dari semua pucuk pimpinan PAS dan juga ahli-ahlinya yang ratusan ribu di seluruh negara.

Kata peribahasa Melayu bersatu teguh bercerai runtuh yang juga menjadi slogan banyak pihak. Semua pemimpin politik tahu hal ini. Orang biasa pun tahu. Tapi mengapa Melayu masih belum bersatu? Memang banyak sebabnya dan banyak pula jawapannya.

Tapi PAS boleh menyatukan ummah dalam konteks yang lebih besar dari UMNO Baru. UMNO Baru terlalu sibuk untuk menampal keretakan dan pergeseran dalam tubuhnya. UMNO Baru tidak berupaya untuk menyatupadukan ummah kerana berbagai pemimpin mempunyai berbagai muslihat dan bernafsu besar untuk menjadi big boss. Buatlah 13 perjumpaan Melayu sekalipun atas anjuran UMNO Baru maka akan lahir berpuh-puluh tokoh UMNO Baru yang lain untuk mengangkat diri sebagai pemimpin yang oportunistik dari parti itu. Semua orang tahu perpaduan Melayu ala UMNO Baru hanya untuk menjaga kepentingan peribadi-peribadi tertentu bukan perpaduan Melayu sebenarnya. Mereka cuma memperalatkan berbagai pertubuhan, orang-orang pencen, tokoh-tokoh politik yang kehilangan kuasa, untuk menggilap semula peranan mereka sebagai tokoh-tokoh binaan sendiri bagi mencapai cita-cita peribadi masing-masing.

Lain dengan PAS. PAS berpegang kepada ajaran Islam dan jiwa Islam mengalir dalam tubuh setiap Melayu di bumi ini tidak kira apakah dia seorang koraptor nombor wahid, seorang pemabuk ataupun

seorang haji berserban besar. Berdasarkan Islam seseorang tidak boleh memperalatkan agama hanya untuk menjaga kepentingan peribadi yang paling menjolok. Amalan Islam bukan hanya pada cakap-cakap tentang nawaitu yang tempang yang tidak menyicah subur dalam akal budi dan jantung hati seorang insan. Berdasarkan Islam PAS boleh menghulurkan tali silaturrahimnya kepada semua muslim di Malaysia ini untuk berpegang pada kalimah Allah dan berjuang atas perintah Allah.

Perjuangan Islam yang begini tidak boleh dimungkiri oleh sesiapa kalau ia beragama Islam. Inilah jalan lurus yang diredai Allah dan bukan omong kosong perpaduan Melayu yang penuh dengan slogan dan resolusi untuk menjaga kepentingan diri sendiri. Ia bukan kemahuan para cendekiawan yang bercendawan atau atas dorongan tokoh-tokoh politik yang takut hilang kekuasaan. Ini adalah kemahuan Allah. Ia diredai oleh Allah Yang Maha Kuasa dan Maha Besar lagi Maha Adil.

Jadi dengan siapakah PAS perlu bekerjasama untuk mewujudkan barisan politik yang kuat bagi menumbangkan kepimpinan Barisan Nasional? Cuma satu saja. PAS mesti bekerjasama dengan Semangat 46 yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Mengapa dengan Semangat 46 dan tidak dengan parti-parti politik lainnya? Kerana Semangat 46 lebih berpengaruh dari lain-lain parti politik Melayu di Semenanjung pada waktu ini.

Mulakan dengan Semangat 46. Lepas itu hulurkan tali silaturrahim juga kepada Berjasa, Hamim, USNO, Parti Pusaka, Parti di Sarawak supaya wujud satu barisan perkasa parti-parti Melayu dan Islam terlebih dulu. Parti-parti kecil yang lain tentu akan menyokong gagasan PAS kerana mereka juga dianaktirikan dalam

keluarga Barisan Nasional.

Terlebih dahulu dari asas-asas prinsip untuk bekerjasama. Yang penting, pada hemat saya, semua golongan mesti terima Islam sebagai 'Addin' dan berjuang atas semangat Islam yang sejati. Ini adalah titik permulaan kerjasama yang tidak boleh dimungkirkan oleh mana-mana pihak sekalipun.

UMNO Baru tidak berjuang atas semangat Islam seperti itu oleh kerana para pemimpinnya terlalu bernafsu untuk mengekalkan kuasa yang ada hingga hilang pedoman untuk mencari kejernihan hidup di kalangan mereka. Kalau UMNO Baru berjuang atas prinsip Islam tentulah Tun Salleh Abas tidak didakwa kerana memberi ceramah yang mengagumi kebaikan undang-undang Islam.

Prinsip-prinsip yang perlu diperjuangkan oleh PAS dan Semangat 46 adalah seperti berikut:-

- 1) Penghapusan kemungkar politik dan ekonomi yang dilakukan oleh kerajaan BN.
- 2) Hak istimewa Bumiputera tidak boleh dipertikaikan.
- 3) Institusi Raja-raja Melayu mesti dipertahankan.
- 4) Islam sebagai agama rasmi negara.
- 5) Sistem demokrasi berparlimen dengan pembahagian kuasa yang jelas antara Eksekutif, Lagislatif dan Perundangan dan pengambilan semula Tun Salleh Abas dan lain-lain hakim yang dipecat dari jawatan mereka.
- 6) Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang lebih adil dan munasabah untuk menjaga kepentingan Bumiputera keseluruhannya dan juga kaum-kaum lain dan bukan memperkayakan sebilangan kecil manusia sahaja.
- 7) Penghapusan ISA yang disalahgunakan seperti

sekarang dan ia hanya mesti digunakan hanya untuk kegiatan-kegiatan subversif komunis semata-mata sekiranya ia hendak dikekalkan juga.

- 8) Kebebasan akhbar mesti dipertahankan dan bukan seperti sekarang di mana akhbar dan media elektronik menjadi alat propaganda BN. Oleh itu perlu dihapuskan Akta Penerbitan dan Mesin Cetak, Akta Rahsia Rasmi dan Akta Polis yang terlalu berat sebelah dan sering disalahgunakan.

Prinsip-prinsip perjuangan di atas adalah lebih sederhana dan lebih mudah diterima oleh setiap parti politik dan juga rakyat Malaysia dari semua keturunan. Ia lebih praktikal, lebih dekat dengan hati nurani rakyat kerana prinsip-prinsip ini memang dirindui oleh semua golongan.

Pada hemat saya parti-parti bukan Melayu dan bukan Islam juga dapat menerima prinsip-prinsip politik demikian. Golongan bukan Melayu tentulah arif bahawa geo-politik Malaysia tidak boleh bertentangan dengan semangat Islam dan ketuanan Melayu. Mereka harus menyesuaikan diri dalam wadah Islam namun demikian tidaklah bermakna mereka menjadi rakyat kelas dua pula. Kebebasan mereka untuk menganut agama-agama selain Islam tidak disekat tetapi karektor dan kewibawaan negara Malaysia sebagai negara Islam dengan kedaulatan Raja-raja Melayu tidak boleh dipertikaikan.

Para pemimpin PAS perlu menilai kemampuan politik mereka dari aspek prinsip-prinsip seperti itu supaya tidak menimbulkan kebimbangan dan ketegangan dalam hubungan kaum dan juga untuk menjadi parti alternatif kepada UMNO Baru. Mereka harus meneri-

ma hakikat bahawa 'practical politics' tanpa memperdagangkan prinsip-prinsip Islam itu penting didahulukan kerana peluang baik untuk mempengaruhi rakyat jelata tidak datang bergolek selalu.

Barangkali ada kalangan dalam PAS yang masih syak wasangka terhadap setengah pemimpin Semangat 46 memandangkan mereka pernah menjadi tokoh-tokoh penting dalam UMNO dulu. Luputkan segala syak wasangka itu kerana para pemimpin Semangat 46 bukan berwatak seperti Mahathir, Ghafar Baba ataupun Mohamed Rahmat.

Betul PAS kena main waktu menjadi keluarga besar Barisan Nasional dulu oleh kerana Asri dulu tidak bijak bermain politik untuk memperjuangkan kepentingan PAS dan Islam secara konsekwen. Politik adalah permainan yang serba mungkin. Tetapi sekiranya PAS mempunyai perancangan yang baik sejak Asri dulu besar kemungkinan ia sukar disingkirkan dari BN. Tapi itu cerita lama dengan para pelakon lama yang sudah uzur untuk menempah sejarah gemilang bagi bangsa Melayu, Islam dan PAS.

Keadaan sekarang sudah banyak berubah. Kepimpinan PAS sudah menjadi bertambah matang dan lebih yakin dengan perjuangan Islamnya. Tidak guna PAS merintih dan bersedu sedan tentang peristiwa-peristiwa sejarah masa silam. Yang penting membina generasi baru yang lebih dinamis, lebih peka terhadap tuntutan dewasa ini. Perlulah diingat manusia sering berubah, sekali air bah sekali pasir berubah.

Kini PAS mempunyai sahabat karib iaitu para pejuang Semangat 46 yang banyak pengalaman dalam politik, pentadbiran dan dihormati ramai baik di dalam mahupun luar negeri. Ketokohan Tengku Razaleigh sebagai pemimpin negara tidak perlu dipertikaikan. Beliau juga

terkenal sebagai seorang tokoh yang berwibawa di luar negeri. Hubungan yang akrab dengan kumpulan Semangat 46 akan memudahkan PAS berjuang di tengah-tengah politik nasional dan juga antarabangsa. Kalau PAS tidak senang dengan Musa Hitam kerana menganggap Musa dan Mahathir bertanggungjawab terhadap Peristiwa Memali maka itu tidak perlu menjadi pertikaian. Musa sendiri pun sudah banyak menyeleweng dari semangat setiakawan Semangat 46. Musa bukan faktor penting untuk menimbulkan keresahan dan keengganan PAS untuk bekerjasama dengan Tengku Razaleigh.

Barangkali ada golongan tertentu dalam PAS yang menganggap Tengku Razaleigh menyebabkan kehancuran kerajaan PAS di Kelantan. Biarlah kita berterus terang dan jujur dalam pandangan politik. Dulu memang PAS menjadi musuh ketat UMNO, dan Tengku Razaleigh sebagai pemimpin UMNO Kelantan tentulah ingin menumbangkan kerajaan PAS kerana itu adalah hukum politik di masa itu. Tapi takdirnya pucuk pimpinan PAS di zaman Asri dulu tidak melakukan kemungkaran politik dan ekonomi tentulah sukar untuk menumbangkan kerajaan PAS. Kerajaan PAS di Kelantan pun ada kelemahannya. Berterus teranglah kita dan jangan menjadikan isu keruntuhan kerajaan PAS di Kelantan sebagai faktor menghalang PAS untuk menghulur tangan dalam perpaduan ummah yang kuat lagi perkasa.

Kini Tengku Razaleigh bukan lagi dalam UMNO. UMNO yang diwakilinya sudah pun dibunuh. Yang ada UMNO Baru menggantikan UMNO lama. Yang masih berharga dalam perjuangannya ialah Semangat 46 yang juga menjadi tangkal azimat ratusan ribu para pejuang ahli UMNO lama yang lain. Nasib Tengku Razaleigh

dan orang-orangnya sama seperti nasib PAS dan orang-orangnya. Kedua-dua golongan mahu mencari kuasa untuk menerajui kerajaan Malaysia.

Soal sekarang bukan Tengku Razaleigh merayu PAS atau PAS merayu dan memujuk Tengku Razaleigh untuk bekerjasama. Tidak timbul soal rayu merayu. Kedua pihak - PAS dan Semangat 46 - memerlukan satu sama lain untuk memperkukuhkan angkatan dan kekuatan bagi menentang kepimpinan Mahathir. Ini kenyataan politik bukan angan-angan. Kedua-duanya ada kekuatan dan ada kekurangan. Oleh itu mereka perlu mengisi keperluan masing-masing.

Kalau PAS ingin berkuasa ia terpaksa bekerjasama dengan Semangat 46 kerana kekurangan dan kelemahan dalam PAS dapat diatasi dan dibantu oleh golongan Tengku Razaleigh. Kekurangan yang ada dalam Semangat 46 pula dapat diberi kekuatan baru yang berkesan oleh PAS. Di samping itu parti-parti politik yang lain boleh dipertimbangkan untuk menambah mana yang kurang demi memperteguhkan angkatan untuk menentang BN.

Sekarang bukan masanya untuk mempertikaikan kejujuran para pemimpin Semangat 46, atau pihak Semangat 46 mempertikaikan kejujuran PAS. Siapa saja boleh mempertikaikan kejujuran antara satu dengan lain. Tapi apakah akibatnya dari pertikaian itu? Tidak siapa pun boleh menentukan bahawa kemenangan politik boleh dicapai melalui pertikaian yang bertele-tele. Tidak semua tindakan oleh para pemimpin BN dianggap jujur tetapi masih juga ia bernafas dan bergerak dalam satu barisan yang kuat. Mengapa? Kerana semua para pemimpin parti-parti komponen BN mempunyai suatu matlamat yang tunggal - kekuasaan. Mereka

mahu mengekalkan kekuasaan politik walaupun antara mereka masih banyak permainan sepak dan kuntaunya.

Kalau ada golongan dalam PAS bersungut bahawa ada antara para pemimpin Semangat 46 yang tidak kuat Islamnya maka justeru itu tidak boleh diwujudkan satu barisan atau angkatan dengan Semangat 46 maka orang lain pula akan bertanya siapakah yang menentukan seseorang itu masuk syurga ataupun neraka? Bukan para alim ulama, bukan tok lebai dan tok imam lebih jauh lagi orang-orang politik. Soal kuat atau lemahnya seseorang dalam hal agama adalah soal Allah Ta'ala. Biar Allah Ta'ala menjadi hakim mutlak bukan kita para insan yang terlalu banyak kelemahan.

Apakah kerjasama yang erat antara PAS dengan CCC pada tahun 1986 dulu diambil kira alim atau tidaknya para pemimpin CCC? Tentulah tidak wajar kalau kita bercakap tentang syurga dan neraka dalam perpaduan ummah. Waktu Sukarno menjadi diktator di Indonesia parti Nahdatul Ulama juga bekerjasama dengan parti-parti politik yang bukan Islam dan tetap menganggotai kabinet 100 menteri Sukarno. Jadi janganlah kita menimbulkan isu kuat atau lemahnya pegangan agama secara peribadi sebagai faktor untuk bekerjasama kerana itu bukan isu politik.

Isu sekarang PAS dan Semangat 46 mahu menjadi angkatan alternatif kepada BN untuk berkuasa. Ini tujuan utama PAS dan Semangat 46. Segala tindak-tanduk para pemimpin PAS dan Semangat 46 mestilah untuk mencapai matlamat ini. Dan kedua pihak mesti bertindak cepat. Tidak boleh berdolak-dalik seperti orang India memanas tosay. Lagi lama ditunggu lagi sukar bagi kedua pihak menghadapi tentangan dan serangan dari BN. Kata peribahasa Inggeris *strike iron when it is hot*. Inilah masa hotnya. Kata pula peribahasa

Melayu pengayuh sudah di tangan perahu sudah di air dan dayunglah ke pulau impian.

Kalau para pemimpin PAS dan orang-orangnya melihat dari segi perjuangan untuk mencari kekuasaan secara positif maka tidak ada apa-apa halangan bagi kedua golongan - PAS dan Semangat 46 - untuk menubuhkan angkatan penentang yang kuat dalam masa yang singkat. Pilihanraya nasional sudah di ambang pintu. Persediaan yang rapi dan lojistik yang kuat dan teratur mesti ada dari sekarang. Jangan tunggu pembubaran Parlimen baru PAS dan Semangat 46 hendak bersatu tekad. Itu sudah terlambat.

Saya yakin para pemimpin PAS dan tokoh-tokoh Semangat 46 menyedari hakikat ini. Biarlah seluruh rakyat Malaysia tahu bahawa PAS dan Semangat 46 sudah menyimpulkan silaturrahim untuk membina suatu angkatan perkasa menentang BN. Inilah perpaduan ummah yang lebih afdhal dari perpaduan Melayu dalam UMNO Baru yang hanya untuk menjaga kepentingan beberapa tokoh yang mungkar. Rakyat sudah bosan dengan slogan-slogan kosong yang berkumandang di angkasa Malaysia. Mereka bosan dengan Semarak, nyanyian Mat-Mat Setia dan cakap tak serupa bikin dari para pemimpin UMNO Baru.

Masanya sudah sampai bagi PAS dan Semangat 46 menjadi pendorong utama untuk membawa angin perubahan dalam perpaduan ummah dan sekaligus menjadi alternatif kepada BN. Insya-Allah, kalau sudah dibulatkan tekad, dengan nawaitu yang bukan tempang dan kerjasama yang erat berdasarkan ukuwah Islamiah yang luhur PAS dan Semangat 46 boleh menubuhkan kerajaan baru di Malaysia selepas pilihanraya nasional yang akan datang.

BAB TIGA

TANDA-TANDA KEHANCURAN BARISAN NASIONAL

Dulu ada kapal layar tapi layarnya robek setelah berlaku peristiwa berdarah 13 Mei, 1969. Lalu diganti dengan dacing yang pada mulanya berlaku adil tapi akhir-akhirinya dacing juga sudah senget sebelah. Rupa-rupanya simbol dacing yang membawa pengertian keadilan itu sudah tidak mampu lagi menaburkan keadilan dan kesejahteraan kepada semua. Bila Mahathir menjadi Presiden UMNO Baru merangkap Pengerusi BN maka simbol dacing sudah menjadi seperti simbol kapal layar yang hampir karam.

Kata Mahathir sewaktu mula-mula duduk di kerusi Perdana Menteri pada tahun 1981 kalau rakyat tak suka kepadanya dia dengan penuh kerelaan (tentulah tanpa sedu-sedan) akan meletakkan jawatan dan kembali ke klinik lamanya di Alor Setar. Itu sikap Mahathir pada tahun 1981.

Sebelum menjelang pertandingan merebut jawatan dalam MKT UMNO pada bulan April 1987 berkata lagi Mahathir bahawa dia akan tetap menang, dan kalau mendapat 55% dari undi para perwakilan UMNO dia

cukup puas dan bersyukur kepada Sang Dewata Mulia. Bila melihat pengaruh Tengku Razaleigh kian mencabar kedudukannya lalu dia pun berkata dengan suara sedikit gementar walau satu undi lebih pun saya tetap akan menjadi Perdana Menteri juga! Ini Mahathir sebelum April 1987.

Dan bila Mahathir menang dengan kelebihan 43 undi dari Tengku Razaleigh Hamzah dia terus mencantas semua penentang-penentangnya tanpa memikirkan perpaduan Melayu lagi. Katanya dengan angkuh siapa yang tidak setia kepadanya adalah musuh-musuh nasional yang bermakna musuh-musuhnya.

Bila dapati bahawa pengaruh Tengku Razaleigh tetap kuat dan utuh dan Shahrir menang dalam pilihanraya kecil di Johor Bahru pada 25hb. Oktober 1988 Mahathir agak gementar. Bila calon UMNO Baru menang dengan kelebihan 413 undi di Parit Raja dia menyedari kedudukannya dan kepimpinannya yang semakin tercabar itu.

Persediaan untuk menghancurkan penentangan terhadap kepimpinannya sudah dilaksanakan atas nama demokrasi yang tidak demokratik akibatnya. Mula-mula sekali UMNO 46 dibunuh dan lahirlah UMNO Baru pada 13hb. Februari 1988. Lepas itu berlaku pula pemecatan Tun Salleh Abas sebagai Ketua Hakim Negara dan diikuti pula dengan pemecatan dua orang hakim Mahkamah Agung yang menyokong Tun Salleh Abas. Lalu dilantik hakim-hakim lain yang dianggap bersimpati dengan Mahathir.

Sebelum ini beberapa akta untuk menyekat kebebasan bersuara rakyat diluluskan di Parlimen. Antaranya Akta Rahsia Rasmi yang mengenakan hukuman penjara mandatori kepada kakitangan kerajaan yang membocorkan rahsia-rahsia kerajaan, dan juga kuasa

yang diberikan kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk membuat klasifikasi dokumen-dokumen kerajaan sebagai dokumen rahsia.

Bila melihat akhbar-akhbar dan media massa lainnya banyak menyuarakan kritik terhadap kerajaan maka diluluskan pula Akta Penerbitan dan Mesin Cetak untuk mengawal penerbitan yang dianggap terlalu kritikal terhadap kerajaan. Juga menurut akta tersebut pihak kerajaan boleh membatalkan lesen penerbitan menurut sesuka hati atas budi bicara pihak Kementerian Dalam Negeri.

Juga dipinda Akta ISA di mana seorang yang ditahan di bawah ISA tidak mempunyai hak untuk mencabar kesahihan penahanannya di mahkamah. Ini bermakna seorang tahanan ISA yang menganggap dirinya tidak bersalah tidak mempunyai peluang untuk merayu di mahkamah. Ini bermakna seorang tahanan ISA sudah menjadi *a non-person*. Hak kebebasannya sebagai warganegara sudah hilang.

Akta ini diluluskan secara tergesa-gesa setelah banyak tahanan ISA mengemukakan bantahan penahanan mereka ke mahkamah dan ada antara mereka yang dibebaskan oleh mahkamah kerana didapati pihak kerajaan melanggar hak dan kuasanya.

Untuk memperkuat lagi sekatan ke atas rakyat dari menyatakan buah fikiran mereka dalam mesyuarat dan apa saja persidangan yang mungkin dianggap menentang kepimpinan kerajaan maka diluluskan pula Akta Polis. Menurut akta ini, semua perjumpaan, tidak mengira apa saja, mesti terlebih dahulu mendapat permit polis. Tanpa permit tak boleh diadakan perjumpaan, perarakan dan sebagainya.

Akta Polis ini nampaknya lebih banyak ditujukan untuk badan-badan dan parti-parti politik yang kritikal

terhadap kerajaan. Pihak UMNO Baru dan lain-lain keluarga BN nampaknya tidak perlu bimbang terhadap akta tersebut.

Berbagai akta yang diluluskan oleh Parlimen 'rubber stamp' ini memberi indikasi bahawa Mahathir bimbang terhadap arus politik yang menentang kepimpinannya sejak ia tergugat selepas menjadi Perdana Menteri dan selepas kemenangannya yang tipis mempertahankan kerusi Presiden UMNO pada tahun 1987 yang lalu.

Sungguhpun Mahathir cuba mengekang kebebasan suara dan hati nurani rakyat melalui berbagai akta namun UMNO Baru ciptaannya tidak juga membawa ketenangan jiwa kepadanya. Perpaduan Melayu melalui UMNO Baru masih belum tercapai walaupun Mahathir dan kuncu-kuncunya sering bercakap tentang perpaduan Melayu melalui UMNO Baru.

Perpecahan Melayu tidak dapat diatasi oleh Mahathir kerana Mahathir sendiri menjadi faktor perpecahan tersebut. Walaupun dia menawarkan jawatan menteri tak berportfolio kepada Tengku Razaleigh dan Musa Hitam namun kedua tokoh tersebut menolaknya. Malah jawatan sebagai ahli Majlis Tertinggi yang ditawarkan kepada tokoh-tokoh Semangat 46 yang memenangi kerusi itu dalam Perhimpunan UMNO 1987 yang lalu juga ditolak oleh mereka.

Mengapakah selepas sembilan bulan lebih, setelah Perhimpunan UMNO, baru Mahathir memikirkan untuk menawar jawatan-jawatan tersebut? Apakah muslihat Mahathir? Yang dapat diduga oleh orang ramai hanya satu. Mahathir berasa kuat dan perkasa selepas perhimpunan UMNO Baru menghalalkan Presiden dan Timbalan Presiden UMNO Baru mendapat 10 undi subsidi itu. Dengan adanya undi subsidi Mahathir dan

Ghaffar boleh tidur nyenyak tanpa bimbang terhadap siapa saja yang menentang kepimpinan mereka.

Tapi undi subsidi itu pun tidak meredakan kegelisahan di kalangan ahli-ahli UMNO Baru dan juga mereka yang menentang kepimpinan Mahathir. Walaupun UMNO Baru merestui perjumpaan perpaduan Melayu di Johor Bahru namun resolusi-resolusi dalam perjumpaan itu mungkin tidak disenangi oleh Mahathir. Mahathir mungkin menerima semua bekas ahli UMNO lama namun dia juga bimbang kalau mereka kembali menjadi ketua bahagian dan cawangan akibat pemilihan pada tahun 1987 yang lalu. Umum mengetahui semua ketua bahagian dan cawangan UMNO Baru adalah pilihan Mahathir, dan sekiranya diterima semua ahli-ahli UMNO lama dan diadakan pertandingan lagi sekali untuk merebut jawatan di peringkat cawangan dan bahagian besar kemungkinan ketegangan seperti sebelum April 1987 akan timbul lagi.

Apakah Mahathir sanggup menghadapi cabaran seperti sebelum April 1987 itu? Saya fikir tentu dia lebih berhati-hati untuk turun gelanggang lagi sekali. Orang-orang Tengku Razaleigh dan Musa tentu berusaha merebut jawatan di peringkat cawangan dan bahagian takdirnya mereka semua diterima semula dan ada pula pertandingan merebut jawatan sekali lagi. Tak mungkin resolusi itu diterima Mahathir kerana dia lebih mementingkan kedudukannya dari kedudukan orang lain.

Kedua, salah satu resolusi Johor Bahru itu berkata bahawa pindaan terhadap perlembagaan UMNO Baru haruslah dibuat tetapi mestilah berdasarkan perlembagaan UMNO Baru sekarang. Bunyinya berbelit-belit tapi jelas kelihatan bahawa para pemerhati dan para wakil perjumpaan Johor Bahru itu juga kurang senang

dengan pemberian undi subsidi kepada Presiden dan Timbalan Presiden. Tentulah Mahathir akan menolak resolusi itu kerana ia menggugat kedudukannya sebagai Presiden yang mendapat subsidi.

Kalau Mahathir menolak beberapa resolusi yang menitikberatkan prinsip demokrasi maka sudah pasti perpaduan Melayu melalui UMNO Baru tidak akan tercapai. Perjumpaan Johor Bahru sia-sia saja dan peranan Tun Hussein Onn, selaku pendamai, juga sia-sia. Malah Tun Hussein Onn sendiri pernah membuat berbagai kecaman terhadap kepimpinan Mahathir melalui kenyataan akhbar dan juga melalui TV 4, kepunyaan Semangat 46. Walaupun niat Tun Hussein baik dan mulia tetapi barangkali Mahathir tidak melihat dari semangat kejujuran Tun Hussein itu.

Bukan saja UMNO Baru berantakan dan perpaduan Melayu tidak tercapai kini timbul pula berbagai krisis kepimpinan dan lompat melompat dalam berbagai parti komponen BN. Orang-orang Gerakan melompat ke MCA termasuk Michael Chen yang pernah menjadi orang kuat MCA suatu waktu dulu. Paul Leong, Timbalan Presiden Gerakan juga meletakkan jawatan. Mak Hon Kam, bekas orang kuat MCA, kini berhijrah ke PPP dan menjadi Presiden PPP pula. Samy Vellu, Presiden MIC dan orang kuat Mahathir, juga menghadapi krisis dalam kepimpinan parti orang India itu bilamana MIC memecat Pandithan dan meminta penjelasan pula dari S. Subramaniam dan Padmanaban.

Anehnya Mahathir tidak bertindak apa-apa untuk mententeramkan suasana dalam BN yang bergolak itu. Ia menganggap itu suatu hal biasa saja walaupun tidak biasa pergolakannya. Walaupun parti-parti kecil seperti Hamim dan Berjasa tidak membuat heboh namun Berjasa dan Hamim juga tidak senang dengan sikap Ma-

hathir yang kurang memberi perhatian terhadap mereka. USNO, PBS dan Berjaya di Sabah masih belum berbaik-baik betul walaupun Pairin cuba mendapat simpati dari Mahathir selepas peristiwa pendedahan korupsi dan penyerbuan pegawai-pegawai Hasil Dalam Negeri di sana. Parti-parti politik di Sarawak pun masih belum selesai lagi pertikaian antara mereka.

BN sekarang tidaklah segagah dahulu. Rasa tidak puas hati di kalangan para pemimpin parti-parti komponen jelas kelihatan. MCA bimbang kalau pertikaian di kalangan orang Melayu akan membawa padah kepadanya kerana banyak kerusi yang dimenangi MCA datangnya dari kawasan majoriti Melayu. Begitu juga dengan MIC. Tidak ada satu kawasan pun di mana masyarakat India majoriti jumlahnya. MIC juga berteduh di bawah ketiak UMNO Baru.

Kalangan MCA dan Gerakan juga tidak puas hati terhadap janji-janji pilihanraya dulu yang dibuat oleh Mahathir dan Ghafar Baba untuk menjaga kepentingan Cina khususnya tentang kampung-kampung baru Cina. Mereka juga tidak puas hati dengan sikap acuh tak acuh Anwar Ibrahim untuk memansuhkan kuasa Menteri Pendidikan yang berhak menukar jenis persekolahan dari Cina dan Tamil ke Bahasa Malaysia. MCA juga tidak puas hati kerana kementerian meletakkan guru-guru kanan yang tidak mengetahui Mandarin di sekolah-sekolah Cina.

Golongan bukan Melayu juga tidak senang hati dengan Dasar Ekonomi Baru yang kononnya lebih mengutamakan Bumiputera dari lain-lain kaum. Mereka juga tidak mahu DEB dilanjutkan selepas 1990. Mereka mahukan penyertaan bukan Melayu yang lebih aktif lagi dalam perencanaan dasar ekonomi nasional selepas

1990. Nampaknya Mahathir mengalah dan kini sudah pun diisytiharkan penyertaan 50% wakil-wakil bukan Melayu dalam majlis perancangan ekonomi negara untuk merancang dasar baru menggantikan DEB selepas 1990.

Di bidang pelajaran Anwar Ibrahim telah pun mengarahkan sekolah-sekolah mengadakan pelajaran bahasa Cina menurut jadual sekolah. Tujuan masyarakat Cina tercapai lantaran Anwar Ibrahim ingin meraih sokongan Cina untuk menjaga kedudukan politiknya di masa depan. Barangkali juga masyarakat India akan mendesak supaya bahasa Tamil diajar pula dalam waktu sekolah. Maka jadilah pendidikan nasional berunsur rojak lantaran Menteri Pendidikan lebih mengutamakan politik peribadinya dari menjaga kepentingan pendidikan nasional berlandaskan Bahasa Malaysia.

Setiap kali bersua dengan pilihanraya kecil mahupun nasional ada saja habuan dan juadah yang dijanjikan kepada berbagai golongan masyarakat untuk menjamin kemenangan BN. Ada janji yang wajar dan tidak kurang pula yang boleh menimbulkan hakisan politik Melayu di masa depan. Malangnya pucuk pimpinan UMNO Baru tidak mahu memikirkan implikasi dasar dan akibat dari setengah dari janji-janji mereka itu. Yang mereka pentingkan ialah kekuasaan dan bukan untuk menjaga kepentingan generasi akan datang.

Tindakan-tindakan yang berupa 'ad hoc' atau sementara ini dilaksanakan kerana pucuk pimpinan UMNO Baru bimbang terhadap hakisan pengaruh politik mereka. Imej setengah dari tokoh-tokoh ini amat merosot sekali di kalangan rakyat Malaysia. Justeru itu, demi menjaga imej mereka dan kepentingan politik peribadi, mereka sanggup membuat berbagai janji untuk memukau rak-



YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj bersama Tengku Razaleigh Hamzah menyertai lebih dari 40,000 penyokong-penyokong Semangat 46 mengiringi Datuk Harun Idris pada hari penamaan calon di Ampang Jaya pada 14hb. Januari 1989. Walaupun Tunku uzur tapi semangatnya tetap membara untuk bersama rakyat.



Kelihatan Sdr. Fahmi Ibrahim bersama-sama penyokong Semangat 46 sedang memberi arahan sesuatu kepada para penyokong Semangat 46 yang mengiringi Datuk Harun Idris pada 14hb. Januari lalu.



Gambar Tunku dan Datuk Harun mengiringi puluhan ribu penyokong-penyokong Semangat 46 di Ampang Jaya.



Ini dia para penyokong BN tapi mana gambar Encik Ong yang handsome itu?



Yang berbahagia Tuan Hj. Yusof Rawa, pemimpin PAS, yang berjiwa waja tetap dengan perjuangannya.



Tiga orang tokoh PAS yang penting dan dihormati ramai. Dari kiri Ustaz Fadzil Nor, Ustaz Haji Hadi Awang (tengah) dan Tuan Guru Haji Nik Aziz (kanan).



Ustaz Haji Hadi Awang seorang tokoh PAS yang terkenal bukan saja di Malaysia tetapi juga di dunia Islam lainnya.



Penulis bersama dengan Ustaz Hadi dan Sdr. Mustapha Ali dalam satu muktamar PAS di Dewan Bahasa dan Pustaka.



Tengku Razaleigh Hamzah sedang membongkarkan berbagai penyelewengan yang berlaku sekarang dalam satu ceramahnya di Bakri, Muar tidak berapa lama dulu.



Para penyokong Semangat 46 sedang menunggu keputusan penamaan calon wakil mereka, Datuk Harun Idris.

yat dari berbagai keturunan untuk memberi undi kepada BN.

Politik UMNO Baru ialah politik kebimbangan. Mereka bimbang akan kehilangan kuasa. Mereka juga bimbang kerana berbagai skandal dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku sudah pun diketahui umum. Pembaziran wang rakyat semakin menjadi-jadi. Kebanyakan kontrak yang menelan belanja beratus juta, malah beribu juta, diberikan kepada orang-orang tertentu yang ada hubungan dengan beberapa orang menteri tertentu termasuk juga keluarga dan suku-sakat mereka.

Kerajaan sanggup memberi modal pendahuluan lebih dari \$1,750 juta kepada United Engineers (M) Berhad oleh kerana Hatibudi Sdn. Bhd. kepunyaan UMNO lama mempunyai saham yang besar di dalamnya. Pemegang-pemegang amanah ialah Mahathir, Ghafar Baba, Daim dan Sanusi. Tujuan utama ialah untuk meraih keuntungan beratus juta ringgit kelak dalam projek Lebuh raya Utara-Selatan yang menelan belanja \$3.4 juta billion itu. Tidak diketahui siapakah yang akan mendapat keuntungan berjuta-juta ringgit itu sebab UMNO 46 sudah terkubur.

Kerajaan juga sanggup membantu syarikat-syarikat koperasi yang menyeleweng sebanyak \$400 juta kerana pertimbangan politik dan ingin membeli kesetiaan kaum Cina untuk terus menyokong kerajaan pimpinan Mahathir. Tetapi kerajaan tidak pula mahu membantu KUBB, salah satu syarikat kepunyaan UMNO sendiri, untuk mendapatkan pinjaman bagi urusan perniagaannya oleh kerana KUBB dikuasai oleh Datuk Harun Idris dan Team B. Inilah yang dikatakan kera di hutan disusui, anak di pangkuan ditinggalkan.

Skandal BMF yang merugikan Malaysia sebanyak

\$2,500 juta masih belum beres lagi walaupun perkara itu sudah melangkah bertahun-tahun. Skandal Maminco yang merugikan negara beratus juta ringgit kerana pembelian bijih timah di London juga belum beres lagi. Projek besi waja Perwaja di Kerteh mengalami kerugian beratus juta ringgit dan terpaksa dirundingkan tentang cara pembayaran pinjaman untuk mengatasi kerugian dari projek itu.

Malah banyak lagi skandal dan kemungkaran yang berlaku yang kebanyakan rakyat tidak mengetahuinya lantaran akhbar-akhbar yang menjadi alat propaganda UMNO Baru menggelapkan cerita-cerita skandal itu dari orang ramai. Tapi tidak semua rakyat mempercayai apa yang disiarkan dalam akhbar-akhbar itu. Mereka juga dapat menilai berita yang benar dengan berita bohong.

Dikatakan lebih 6,000 orang usahawan-usahawan Melayu jatuh bankrap akibat kemerosotan ekonomi. Ada antara mereka termasuklah jutawan-jutawan 'instant' yang mendapat berbagai kemudahan dan projek dari kerajaan sekarang. Para menteri bercakap tentang kekukuhan ekonomi Malaysia diikuti oleh pihak-pihak lain dengan penuh optimisme. Gaji para pekerja dinaikkan dan berbagai oleh-oleh diberikan kononnya ekonomi Malaysia sudah pulih dan pelabuhan asing mencurah datang. Tetapi terdengar juga cerita bahawa ada projek yang disiapkan oleh pemborong sukar mendapat pembayarannya dari setengah kerajaan negeri. Dan ada pula projek pembangunan terpaksa diberhentikan dulu kerana kerajaan tidak cukup wang.

Mahathir sedar bahawa dia tidak boleh melengahkan pilihanraya nasional sehingga habis tempoh lima tahun. Walaupun harga kelapa sawit, getah dan bijih timah naik namun kenaikan harga barangan ini

tidak dapat bertahan lama. Kini Malaysia gembira kerana barang-barang eksport sektor perkilangan mendapat pasaran baik antarabangsa tapi tentulah Malaysia juga perlu bersaing dengan negara-negara lain untuk memasarkan barangan-barangan yang sama.

Untuk menunjukkan kepada rakyat Malaysia bahawa kepimpinan Mahathir peka terhadap kritik-kritik dari berbagai golongan masyarakat maka Mahathir sendiri nampaknya bersikap 'mengalah'. Atas 'desakan' setengah pihak dalam UMNO Baru Mahathir sanggup membuka pintu keahlian partinya untuk semua bekas ahli UMNO 46. Di samping itu menawarkan peluang menjadi menteri tak berportfolio kepada Tengku Razaleigh Hamzah dan juga Datuk Musa, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, Datuk Zainal Abidin Zin, Puan Marina Yusof, Datin Paduka Rahmah Osman dan Datuk Shahrir yang memenangi kerusi Majlis Kerja Tertinggi dipelawa mengambil tempat dalam MKT bersama-sama dengan tokoh-tokoh lain yang dilantik oleh Mahathir sendiri.

Tujuan Mahathir hanya satu - hendak menunjukkan kepada rakyat Melayu umumnya dan bekas ahli-ahli UMNO 46 khususnya bahawa Mahathir mahu berdamai dan merindui perpaduan Melayu dalam UMNO Baru. Justeru itu perjumpaan Perpaduan Melayu yang dianjurkan oleh orang-orang pencen dan dinaungi oleh pemimpin-pemimpin UMNO Baru Johor diberi keizinan untuk 'berdialog' kerana perjumpaan itu boleh dijadikan sebagai 'public relations' (alat perhubungan awam) Mahathir kelak untuk menunjukkan kepada rakyat bahawa dia sungguh-sungguh inginkan perpaduan Melayu itu.

Tetapi bila Persatuan Penulis Nasional (PENA) mahu menganjurkan Kongres Perpaduan Melayu pada 12 dan

13hb. November 1988 yang lalu pihak polis tidak memberikan permit dengan alasan tidak boleh menjamin keselamatan. Mahathir dan setengah dari menteri-menteri kanannya tahu bahawa PENA menjemput semua pihak untuk mengambil bahagian. Malah PENA juga mengundang Datuk Mohamed Rahmat membentangkan kertas kerja bersama-sama dengan Ustaz Fadzil Nor dan Datuk Rais Yatim serta Tan Sri Ahmad Nordin. Rupa-rupanya Mahathir dan menteri-menteri UMNO Baru tidak sudi hadir kerana barangkali mereka tidak boleh menjadikan PENA sebagai alat politik mereka.

Untuk mendamaikan desakan dari golongan kakitangan awam maka gaji para pekerja kerajaan dari tingkatan A, B, C dan D dinaikkan dan dikira mulai bulan Oktober 1988 yang lalu. Para peneroka Felda yang mendesak supaya diberi geran kepada ladang mereka dalam rancangan Felda juga dijanjikan akan mendapat geran kelak. Di samping itu Menteri Kewangan, Daim Zainuddin, pula mengisytiharkan dalam Perhimpunan Agung UMNO Baru bahawa peruntukan kewangan sebanyak \$400 juta akan dicurahkan untuk pembangunan luar bandar pada tahun 1989. Daim juga telah mengurangkan cukai korporat dari 40% kepada 35% dengan harapan akan mendapat sokongan dari golongan bisnes untuk mengundi BN sekali lagi dalam pilihanraya nasional akan datang di samping menggalakkan bisnes.

Pendek kata banyak golongan diberi habuan dan janji-janji oleh kerajaan Mahathir. Curahan bantuan, tambahan gaji dan lain-lain dianggap sebagai merintis jalan untuk mengadakan pilihanraya nasional dalam masa yang dekat. Di samping itu Mahathir juga mula berjinak-jinak untuk mendampingi rakyat dari satu daerah kepada satu daerah seluruh Malaysia sebagai

'pop star' dalam politik.

Apakah rakyat mempercayai segala tindakan Mahathir untuk kepentingan rakyat atau untuk kepentingan politiknya? Yang dapat diselami dari tindak-tanduk pemberian habuan dan janji-janji kerajaan ialah pilihanraya sudah hampir dekat. Bila-bila masa saja Mahathir akan membubarkan Parlimen secara mengejut supaya musuh-musuh politiknya menjadi tenggelam punca dan bertaburan.

Para pejuang PAS dan Semangat 46 mesti bersedia dari sekarang. Tidak boleh melengah-lengahkan lagi dalam mengatur strategi untuk menghadapi pilihanraya kelak. Ingatlah Mahathir ada kuasa yang boleh digunakan bila-bila masa saja untuk mengekalkan kekuasaannya. Kalau parti-parti pembangkang tidak mencapai kerjasama yang baik bermakna mudahlah bagi Mahathir melanjutkan kekuasaannya sekali lagi.

Walaupun berbagai habuan dan janji-janji sudah ditaburkan kepada rakyat namun PAS, Semangat 46 dan lain-lain parti pembangkang masih boleh memberi alternatif kepada rakyat untuk memilih mereka. Kalau PAS dan Semangat 46 bertindak cepat merancang strategi mereka dalam bentuk satu angkatan yang kukuh besar kemungkinan mereka boleh meyakini rakyat Melayu bahawa mereka adalah lebih baik sebagai pilihan rakyat dari UMNO Baru dan BN yang banyak menyalahgunakan kuasa itu.

Sekali lagi saya menyatakan inilah masa yang paling baik untuk PAS dan Semangat 46 bekerjasama dalam suatu wadah yang perkasa kerana BN sekarang dalam keadaan perpecahan dan kepimpinan Mahathir pula dianggap merosot. Kalau para pemimpin dan anak-anak buah PAS dan

Semangat 46 masih terumbang-ambing dan syak wasangka antara satu sama lain maka janganlah menangi nasib masing-masing kalau nanti BN sekali lagi mendapat kerusi terbanyak di Parlimen.

Allah berfirman bahawa Dia tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubahnya.

Terang dan jelas nasib PAS dan Semangat 46 terletak pada kebijaksanaan para pemimpin kedua golongan ini untuk memeteraikan kerjasama yang berasaskan kepada perpaduan ummah berdasarkan kesucian Islam. Kalau lambat mereka mendapat kata sepakat maka gerhanalah peluang bagi mereka untuk menjadi angkatan alternatif kepada Barisan Nasional.

BAB EMPAT

CABARAN TERHADAP SEMANGAT 46

Semangat yang membara dalam jiwa para pejuang UMNO 46 terus menyala walaupun berbagai tekanan, pujukan dan ancaman melanda datang. Seorang pejuang politik yang bersemangat waja, ada maruah, ada prinsip tidak boleh menyerah kalah bila menghadapi cabaran yang menyengat mereka. Perjalanan begitu jauh, tenaga banyak tercurah, bebanan banyak dipikul namun mereka mesti menghadapi apa saja risiko dari perjuangan yang luhur itu.

Walaupun kini berbagai tawaran menggamit mereka namun mereka tidak boleh menerimanya. Yang berpaling tadah, yang bermuka-muka, yang tipis iman, yang oportunistik, yang tak tahan menderita hidup akan terperangkap dalam permainan politik UMNO Baru. Mereka bukanlah para pejuang yang dihargai ramai, bukan pemimpin yang boleh diharap.

Tengku Razaleigh dan mereka yang menyokong kepimpinannya tidak akan kembali menganggotai UMNO Baru yang dicipta Mahathir pada 13hb Februari 1988 itu. UMNO Baru adalah UMNO

Mahathir. Sungguhpun Mahathir dan para penyokongnya cuba meyakini orang Melayu bahawa UMNO Baru adalah pewaris semangat UMNO 46 namun semangat tulen UMNO 46 itu tidak terbayang dalam tindak-tanduk kepemimpinan Mahathir.

Barangkali ada beberapa kerat pemimpin politik yang berikrar menyokong kepemimpinan Tengku Razaleigh mahu bermain mata dengan Mahathir untuk bernaung di bawah ketiaknyanya. Sejak kebelakangan ini sudah nampak bayang-bayang mereka mahu berpeluk-pelukan dengan para pemimpin UMNO Baru. Biarlah orang-orang seperti itu meninggalkan Team B. Kalau mereka masih bergerak dalam Team B tetapi menikam perjuangan dari belakang maka kehadiran mereka dalam kem Tengku Razaleigh hanya sebagai duri dalam daging.

Penerimaan Tengku Razaleigh sebagai pemimpin Semangat 46 menyeluruh. Keikhlasannya untuk menegakkan keadilan dan meneruskan wasiat para pemimpin UMNO 46 dan para penyokongnya tetap pejal. Tengku Razaleigh tidak pernah membuat kenyataan yang berdolak-dalik. Tidak pernah beliau bercakap tentang perpaduan Melayu dalam konteks UMNO Baru. Tidak pernah pula beliau menyeleweng dari perjuangan untuk menghidupkan UMNO 46.

Bila beliau mengemukakan usul untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 di Parlimen tujuannya jelas. Beliau ingin membuktikan kepada seluruh rakyat Malaysia bahawa yang menentang usul untuk menghidupkan UMNO 46 itu adalah dari para penyokong UMNO Baru sendiri. Parlimen menjadi saksinya, dan di Parlimen inilah segala undang-undang dipinda, digubal dan diluluskan termasuklah undang-undang yang membatasi kebebasan rakyat dan yang menghancurkan harapan generasi rakyat Malaysia akan datang.

Penolakan usul Tengku Razaleigh di Parlimen membuktikan bahawa kemungkar politik akan berterusan. Suara hati nurani rakyat yang inginkan perdamaian, demokrasi dan keadilan dilenyapkan. Yang lahir adalah kerakusan kuasa, perkosaan terhadap aspirasi rakyat.

Tetapi apakah dengan kegagalan usul Tengku Razaleigh itu maka harapan Semangat 46 untuk terus berjuang sudah mati di tengah jalan? Tidak. Perjuangan politik adalah seperti perjuangan hidup seorang insan. Ia tidak pernah berhenti di tengah jalan. Ia hanya akan berhenti bila Allah azawajalla merebut nyawa dari tubuh insan yang rapuh.

Apakah alternatifnya untuk Tengku Razaleigh meneruskan perjuangan untuk menghancurkan kemungkar politik dan ekonomi itu? Salah satu jalan ialah bekerjasama dengan PAS untuk menguatkan barisan bagi menentang kemungkar-kemungkar tersebut. Kalau UMNO 46 berdasarkan semangat nasionalisme yang dibalut dengan ajaran Islam (kerana Melayu beragama Islam) maka kini Semangat 46 mesti menerima Islam sebagai 'Addin' untuk memperteguhkan lagi prinsip perjuangannya.

Kalau Semangat 46 bekerjasama dengan PAS besar kemungkinan kedua pihak dapat merancang strategi politik yang lebih baik, lebih berkesan untuk meyakinkan rakyat Melayu terutama sekali tentang kemampuan mereka sebagai alternatif kepada UMNO Mahathir. Rakyat lebih yakin kerjasama Semangat 46 dengan PAS kerana seluruh rakyat Melayu lebih mengutamakan perpaduan ummah yang lebih luas pengertiannya dari perpaduan Melayu yang tidak akan tercapai melalui UMNO Baru.

PAS mempunyai pengaruh yang kuat di Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah dan juga Perak. Kebanyakan ADUN-ADUN dan MP-MP UMNO Baru yang menang di Kelantan dan Terengganu terutama sekali hanya memperolehi majoriti yang kecil saja. Besar kemungkinan mereka akan tumbang kepada PAS dan pejuang-pejuang Semangat 46 kelak. Insya-Allah.

Pengaruh Semangat 46 lebih meluas dari pengaruh PAS dan rakyat yang bersimpati dengan perjuangan Tengku Razaleigh adalah lebih menyeluruh. Inilah yang ditakuti oleh UMNO Baru kerana pengaruh Tengku Razaleigh dan para pejuang Semangat 46 tidak dapat dihapuskan begitu saja walaupun berbagai penindasan, ugutan dan ancaman dilakukan terhadap golongan ini.

Sudah pasti UMNO Baru menganggap Tengku Razaleigh sebagai musuhnya. Sama juga dengan PAS. Mereka bimbang kalau Semangat 46 bekerjasama dengan PAS kedudukan politik kebanyakan menteri, ADUN-ADUN dan MP-MP UMNO Baru akan tergugat. Mereka tidak mahu hilang kerusi, hilang habuan dan hilang kuasa. Mereka akan terus menggempur penentang-penentang mereka tak kira Semangat 46 ataupun PAS.

Tapi apakah pejuang-pejuang Semangat 46 mesti menyerah kalah kepada keadaan dan nasib? Jangan sekali-kali. Perjuangan mereka adalah betul kerana setiap ahli politik, tidak kira apa parti sekali pun, mahu mencari kuasa. Tidak salah kalau Semangat 46 bekerjasama dengan PAS untuk merebut kuasa dari Mahathir dan BN.

Kuasa politik bukan mutlak. Penentuan kuasa politik datangnya dari rakyat dengan restu Allah. Kalau rakyat memilih calon-calon Semangat 46 dan PAS untuk berkuasa menggantikan BN maka itu

leh Abas hanya setakat kenyataan akhbar saja. Musa hanya memeralatkan pemecatan Tun Salleh untuk memberi martabat dan maruah terhadap penarikannya dari pelukan UMNO Baru. Lepas itu Musa lagi sekali memperlihatkan sifat kewiraannya bila Datuk Shahrir Samad bertanding semula sebagai calon Bebas di Johor Bahru dalam pilihanraya kecil bulan Oktober 1988 yang lalu. Melalui video Musa mendedahkan keburukan Mahathir dan video itu dijadikan tangkal azimat untuk Shahrir menjaja setiap pelusuk Johor Bahru. Lepas itu Musa ghaib di London dan tidak lagi bersama Shahrir.

Bila Mahathir meracau dalam ucapannya untuk menangkis segala tuduhan Musa melalui kaca TV dan sanggup bersumpah di masjid untuk menafikan tuduhan Musa itu Musa pun menjawab dari London bahawa dia sanggup menemui Mahathir di mana-mana masjid sekali pun untuk bersumpah. Upacara bersumpah tak jadi sebab barangkali juga kedua-dua mereka hanya berolok-olok saja. Maklumlah ini sandiwara politik untuk santapan rakyat yang sukakan cerita-cerita wira-wiraan 'part-time'.

Setelah Shahrir menang Team B paling gembira sekali. Hampir hilang deposit calon UMNO Baru, seorang guru sekolah yang hampir pencen. Shahrir dan Musa pun berkata bahawa kerana video hikmat Musa itulah maka Shahrir menang! Wow, hebat ceritanya! Tapi orang-orang yang rapat dengan Tengku Razaleigh sedar bahawa bukan video Musa yang membawa kemenangan pada Shahrir. Kalau tidak orang-orang Tengku Razaleigh dan Tan Sri Othman Saad mati-matian dengan mengeluarkan wang ringgit mereka sendiri tentulah Shahrir tidak boleh berkokok seperti ayam jantan sekarang ini.

juang-pejuang anti kemungkar politik dan ekonomi yang pejal untuk menghadapi BN. Dalam segala lapangan politik dan kebajikan kedua golongan ini mesti bekerjasama untuk membuktikan kepada seluruh rakyat bahawa terwujud sudah ikatan batin antara Semangat 46 dan PAS.

Adalah diharapkan para pemimpin dari kedua golongan tidak mempertikaikan soal-soal yang kecil, yang kurang pasti sebagai dasar ikatan batin mereka. Yang perlu diutamakan ialah prinsip perjuangan yang kukuh berdasarkan Islam dan bekerjasama dalam satu tekad dan azam untuk menubuhkan kerajaan baru bagi Malaysia. Kalau mereka gagal menubuhkan kerajaan baru maka soal-soal lain yang bersangkutan dengan kekuasaan tidak akan dapat diselesaikan sebelum mendapat mandat rakyat. Dengan kata lain, yang dahulu didahulukan, yang kemudian disimpan dulu sehingga mencapai tujuan matlamat angkatan mereka.

Kalau mereka benci kepada kepimpinan Mahathir maka jangan pula dalam ikatan batin mereka timbul pula unsur-unsur yang dibenci itu hingga boleh mengerhanakan kekuatan mereka. Kesilapan dan kelemahan kepimpinan UMNO Baru mesti menjadi rujukan mereka dan hindarkanlah diri dan amalan dari unsur-unsur negatif itu.

Perlulah disedari oleh PAS dan Semangat 46 bahawa rakyat Malaysia inginkan stail kepimpinan politik yang lain dari Mahathir. Rakyat Malaysia mahukan suara hati nurani mereka sebagai rakyat diambil kira dan demokrasi dipulihkan dan kebebasan keadilan dipertahankan. Tun Salleh Abas menjadi simbol dari penghapusan keadilan itu dan adalah menjadi tanggungjawab moral bagi Semangat 46 dan PAS untuk memulihkan semula ke-

bebasan keadilan tersebut. Penganiayaan dan penahanan di bawah ISA secara buas mestilah dihindarkan dan segala bentuk penindasan suara rakyat mestilah diketepikan.

Jadikan Malaysia sebagai sebuah negara contoh yang mengamalkan demokrasi penuh toleransi, sederhana, bebas dari kemungkaran politik dan ekonomi supaya rakyat boleh berbangga menjadi warganegara Malaysia. Imej Malaysia yang buruk di luar negeri boleh diatasi sekiranya Semangat 46 dan PAS membawa angin perubahan yang berlainan dari angin songsang sekarang ini.

Walaupun ada pihak yang berkata ada perpecahan dalam Semangat 46 kerana Musa dan Shahrir janganlah gusar terhadap tuduhan seperti itu. Yang penting matlamat perjuangan yang betul berdasarkan kekuatan perpaduan ummah dan Islam mestilah dipertahankan. Pemimpin boleh datang dan boleh pergi. Rakyat tahu siapa sebenarnya yang berjuang kerana Allah dan siapa pula yang berjuang kerana kepentingan diri sendiri.

UMNO Baru lebih parah lagi keretakan di dalamnya. Sudah wujud perebutan kuasa antara beberapa orang tokoh yang bermimpi untuk menjadi bakal Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Masing-masing merebut peluang untuk menyaingi antara satu dengan lain. Ada yang menubuhkan pasukan Mat-Mat Setia dengan sorak dan nyanyian 'Setia'nya. Ada pula yang berkhotbah tentang nawaitu yang selalu tempang. Ada yang berlagak sebagai burung nuri untuk mendapat berkat dan renjisan air mawar kasih dari Mahathir dan macam-macam lagi.

Para ahli PAS dan pejuang-pejuang Semangat 46 jangan patah hati dan tumpul harapan sekiranya perjuangan mereka mengalami pasang surutnya. Inilah

perjuangan namanya. Tidak ada perjuangan yang tidak ada cabaran. Tidak ada perjuangan separuh jalan. Sekiranya mereka menjadikan Islam sebagai tangkal azimat yang tersedik di hati dan diamalkan pula maka tidak ada kuasa yang boleh meruntuhkan aspirasi mereka itu kecuali kuasa Allah Ta'ala. Hanya kepada Allah sahaja yang kita semua mohon petunjuk kerana Allah tidak pernah mungkiri janji-janji-Nya.

Inilah kekuatan ummah yang mesti diperjuangkan oleh PAS dan juga para pejuang Semangat 46 tanpa henti-henti. Percayalah bahawa doa rakyat mengiringi mereka bersama-sama dengan doa dan sembahyang hajat mereka yang teraniaya selama ini. Insya-Allah Tuhan akan memberi jalan untuk mencapai kemenangan kelak.

BAB LIMA

UMNO PECAH JERUNG KENYANG

Tanpa angin ribut tersiar berita dalam akhbar, Bank Bumiputra Malaysia Berhad mahu melelong harta UMNO 46 kerana tidak menjelaskan hutang pinjaman sebanyak \$308 juta. Hakim Ajaib Singh yang terkenal itu telah menetapkan 11 April 1989 untuk UMNO 46 menjelaskan hutang itu. Kalau tidak harta UMNO 46 akan dilelong. Yang kena saman ialah Dr. Mahathir Muhammad, Datuk Musa Hitam, Datuk Sanusi Junid dan Datuk Paduka Daim Zainuddin kerana mereka memegang amanah bagi 1.4 juta ahli UMNO 46 itu.

Mohamed Rahmat pula menggemparkan masyarakat Melayu, khasnya bekas ahli UMNO 46, bila ia berkata bahawa banyak lagi harta UMNO lama akan dilelong kerana tidak menjelaskan hutang. Tapi bagi mereka yang menjadi ahli UMNO Baru mereka tidak perlu bimbang untuk menjelaskan hutang parti itu. Pucuk Pimpinan UMNO Baru akan berikhtiar untuk menjelaskannya bagi pihak mereka konon!

Apakah tujuan sebenar dari peristiwa lelong-lelongan harta UMNO 46 ini? Apakah ini satu sandiwara

politik sebelum menjelang pilihanraya akan datang? Apakah muslihat di sebalik peristiwa ini? Barangkali banyak orang tidak tahu, banyak menjadi bimbang, banyak menjadi kecut mendengar berita tersebut.

Tujuannya jelas seperti yang terbayang dari kenyataan Mohamed Rahmat. UMNO Baru hendak memaksa bekas ahli-ahli UMNO 46 supaya menjadi ahli-ahli UMNO Baru secepat mungkin. Kalau tidak, menurut hujah Mohamed Rahmat, mereka terpaksa membebani hutang berjuta-juta yang ditanggung oleh UMNO 46 kepada berbagai bank.

UMNO Baru sedar bahawa sebahagian besar dari bekas ahli-ahli UMNO 46 tidak mahu menyertai UMNO Baru ciptaan Mahathir. Mereka juga sedar bahawa sekiranya banyak ahli-ahli lama tidak menjadi ahli-ahli UMNO Baru maka sukarlah UMNO Baru untuk memperaitkan harta-harta UMNO 46 yang bernilai beribu-ribu juta itu. Walaupun banyak pemimpin UMNO Baru mendakwa keahlian parti baru ini lebih dari sejuta sekarang namun banyak orang tidak percaya tentang jumlah tersebut.

Kebanyakan melompat ke UMNO Baru kerana menagih habuan, diberi pangkat dan jawatan tertentu ataupun dipaksa oleh keadaan kerana banyak berhutang dengan bank dan boleh jadi juga mereka tidak mempunyai pendirian yang tetap. Barangkali juga ada orang Melayu dari parti-parti lain seperti Asri dengan kafilah kecilnya yang mengangkat kepimpinan Mahathir kerana sesuatu muslihat tertentu. Juga terdapat muda mudi yang tidak pernah menjadi ahli parti politik di masa lalu masuk UMNO Baru kerana mengharapkan mendapat pekerjaan ataupun mahu merebut jawatan parti untuk membina masa depan mereka. Pemimpin-pemimpin UMNO 46 yang ada prinsip dan cinta pada

Semangat 46 tidak berganjak dari perjuangan mereka untuk melanjutkan perjuangan UMNO 46 di luar UMNO ciptaan Mahathir. Begitu juga ratusan ribu bekas ahli-ahli UMNO 46 yang lain di seluruh negara.

Kes lelong harta UMNO 46 ini adalah satu helah dari pucuk pimpinan UMNO Baru untuk menimbulkan kebimbangan terhadap bekas ahli-ahli UMNO 46 supaya segera menjadi ahli-ahli UMNO Baru, dan kalau tidak, terpaksa berkongsi membayar hutang yang berjumlah \$308 juta itu. Ini satu taktik kotor untuk menakutkan bekas ahli-ahli UMNO 46 supaya berpihak kepada UMNO Baru.

Sebenarnya ini satu permainan silap mata dari pucuk pimpinan UMNO Baru. Hutang kepada Bank Bumiputra hanya \$308 juta tetapi nilai harta UMNO termasuk Pusat Dagangan Dunia Putra dan Bangunan UMNO bernilai lebih dari \$1,000 juta. Ini bermakna tidak sukar bagi UMNO 46 untuk menjelaskan hutang tersebut. Tapi UMNO 46 telah dibunuh dan segala harta UMNO lama telah dipindah kepada Jabatan Pemegang Amanah Raya.

Tapi siapakah yang menguruskan PWTC, Pan Pacific dan Bangunan UMNO sekarang ini? Masih orang-orang Mahathir yang diberi amanah oleh Mahathir. PWTC selalu saja sibuk dengan berbagai kegiatan pameran dan sudah pasti membawa pendapatan yang lumayan setiap tahun. Begitu juga dengan Pan Pacific Hotel. Bangunan UMNO pun mendapat penyewaan berjuta ringgit dan lebih dari 70% ruang bangunan itu ada penyewanya.

Mengapa pihak pemegang amanah UMNO 46 tidak menjelaskan sebahagian dari hutang-hutang itu? Dan kalau Pemegang Amanah Raya yang mentadbirkan harta UMNO 46 mengapa pula pendapatan dari sum-

ber-sumber kompleks UMNO itu tidak boleh dibayar kepada Bank Bumiputra untuk mengurangkan bebanan hutang UMNO 46?

Bagaimanakah empat orang pemegang amanah UMNO 46 iaitu Mahathir, Musa Hitam, Sanusi Junid dan Daim Zainuddin masih kekal sebagai pemegang amanah UMNO 46 tidak mengambil tindakan yang bijaksana untuk mengurangkan bebanan hutang tersebut? Atau apakah kerana UMNO 46 telah diharamkan oleh Mahkamah Tinggi akibat angkara Mahathir dan Sanusi Junid sendiri maka mereka mengambil sikap untuk melepas tangan saja?

Sebenarnya terdapat kepentingan yang bercanggah antara mereka yang menjadi pemegang amanah UMNO 46 ini. Mahathir, Sanusi dan Daim, terutama sekali, adalah orang penting dalam UMNO Baru. Malah Mahathir dan Daim menjadi pengasas UMNO Baru. Mereka juga orang penting dalam UMNO 46 dulu dan mempunyai kuasa dan boleh mencorakkan warna parti menurut nafsu mereka masing-masing. Mereka bukan saja menyalahgunakan kuasa tetapi tidak bertanggungjawab untuk menjaga harta kepunyaan UMNO 46 yang diamanahkan kepada mereka.

Inilah yang dikatakan diharapkan pagar, pagar makan padi. Mereka sanggup mengorbankan cita-cita UMNO 46 untuk menubuhkan UMNO Baru dan kini sanggup pula mengugut bekas ahli-ahli UMNO 46 untuk menerima kepimpinan Mahathir melalui ancaman akan dipaksa membayar hutang-hutang UMNO 46 sekiranya mereka berdegil untuk meneruskan perjuangan di bawah pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah.

Inilah taktik kotor untuk memaksa bekas ahli-ahli UMNO 46 mengubah kesetiaan mereka. Ini juga sebagai satu helah yang tidak bermaruah untuk mencabar

kepimpinan Tengku Razaleigh yang cuba menghidupkan Semangat 46 itu. Mahathir berharap sekiranya kes lelongan harta UMNO 46 ini berjaya memaksa bekas ahli-ahli UMNO 46 menyebelahnya maka hilanglah pengaruh Tengku Razaleigh dan tegaklah kemungkinan kepemimpinan Mahathir. Ini mimpi Mahathir tapi kenyataan politik lain dari mimpinya.

Rancangan Mahathir adalah seperti berikut. Sekiranya kempen-kempen dari mat-mat setianya tidak berjaya untuk menarik bekas ahli-ahli UMNO 46 untuk menyebelahnya dengan banyaknya (melebihi 50% dari ahli-ahli lama) maka Mahathir akan mengarahkan sesuatu syarikat tertentu (barangkali syarikat yang ada kena-mengena dengan Daim) untuk membeli tanah dan harta UMNO 46 itu tanpa mengeluarkan satu sen pun. Mahathir atau Daim atau siapa saja yang ada hubungan dengan kedua orang ini tidak perlu mengeluarkan wang beratus juta untuk membayar balik hutang UMNO 46 kepada Bank Bumiputra. Caranya bagaimana?

Mahathir boleh mengarahkan Bank Bumiputra untuk memberi pinjaman sebanyak \$308 juta kepada salah satu syarikat yang ingin membeli harta itu untuk menjelaskan hutang UMNO 46 kepada bank. Lepas itu syarikat yang membeli harta tersebut akan menanggung hutang \$308 juta itu. Ini bermakna sudah ada pindah-milik harta dari UMNO 46 kepada syarikat yang membelinya. Bank Bumiputra sanggup memberi pinjaman sebesar itu kerana nilai harta tersebut melebihi \$1,000 juta dan bisnes yang dijalankan oleh PWTC, Pan Pacific dan juga penyewaan ruang Bangunan UMNO memberi hasil berpuluh juta setiap tahun. Jadi tidak ada kerugian apa-apa kepada pembeli baru harta UMNO lama itu.

Inilah muslihat Mahathir dan kawan-kawannya untuk

memiliki harta UMNO 46 tanpa mengeluarkan peluh dan wang ringgit, dan ini dibuat menurut undang-undang. Yang rugi dan yang kena main ialah bekas ahli-ahli UMNO 46 dan barangkali juga ahli-ahli UMNO Baru sekarang.

Bagaimana ahli-ahli UMNO Baru boleh kena main melalui drama silap mata ini? Mahathir dan pemegang amanah harta UMNO 46 ini boleh menyatakan kepada ahli-ahli UMNO Baru bahawa UMNO Baru tidak mampu untuk membeli harta UMNO 46 yang bernilai \$1,000 juta itu. UMNO Baru tak ada wang. Oleh itu harta tersebut terpaksa dilelong kepada orang ramai. Yang membelinya adalah sebuah syarikat yang kononnya tidak ada kena-mengena dengan mana-mana pihak dalam UMNO Baru. Oleh itu kalau UMNO Baru hendak menjadikan Bangunan UMNO yang mencakar langit itu sebagai ibu pejabatnya maka UMNO Baru terpaksa menyewa dari syarikat yang membeli kompleks UMNO tersebut. Apa macam, mahu tak? Kalau mahu, boleh berkira.

Dengan cara demikian ahli-ahli UMNO 46 pun terlepas, begitu juga dengan ahli-ahli UMNO Baru. Yang senyum meleret barangkali mereka yang ada kepentingan dengan manipulasi dan transaksi harta itu. Mereka saja yang serba tahu. Ini andaiian kita dan barangkali Mahathir atau siapa saja tidak mungkin berbuat demikian tetapi, kalau mereka mahu, mereka boleh buat sebab kuasa ada di tangan mereka.

Nampaknya Musa Hitam yang tersepit dalam kes pelelongan harta UMNO 46 ini. Musa masih lagi bukan ahli UMNO Baru walaupun dulunya pernah berkempen untuk UMNO Baru. Kini Musa terpaksa menghadapi tekanan Bank Bumiputra untuk menjelaskan sebahagian besar dari hutang sebanyak \$308 juta itu. Walaupun dia

sendiri bukan mendapat keuntungan peribadi dari hutang tersebut namun sebagai salah seorang pemegang amanah UMNO 46 dia terpaksa menanggung risikonya. Nasib Musa samalah seperti nasib Haji Hamdan Haji Yahya, calon Semangat 46, di Parit Raja dulu yang mahu diisytiharkan bangkrap oleh Bank Bumiputra kerana menjadi salah seorang penjamin dan pengarah syarikat kepunyaan UMNO 46 menjelang pilihanraya kecil itu.

Barangkali Musa menjadi panik kerana kes ini. Atau barangkali juga ada rundingan tertentu antara Mahathir dan Musa supaya nama Musa dibersihkan dari tindakan undang-undang dan dia kembali menerima kepimpinan Mahathir semula. Tindak-tanduk Musa sekarang menampakkan minatnya untuk kembali menerima kepimpinan Melayu Johor. Kalau UMNO Baru pernah mahu membangkrapkan calon Semangat 46, Haji Hamdan Haji Yahya dalam pilihanraya kecil Parit Raja kerana tidak dapat menjelaskan hutang sebanyak \$300,000 lebih maka besar kemungkinan hal yang sama mungkin dilakukan terhadap Musa.

Tapi kalau Mahathir mahu mengambilalih kompleks UMNO 46 sebagai kepunyaan UMNO Baru pun dia boleh dibuat. Caranya mudah. Hutang UMNO 46 cuma \$308 juta saja. Nilai harta lebih dari \$1,000 juta. Projek itu memang menguntungkan sebab Bangunan UMNO mendapat penyewaan lebih dari 70%, PWTC sering mendapat tempahan untuk pameran, persidangan dan juga untuk berbagai acara yang lain. Hotel Pan Pacific juga memperolehi 'occupancy' tamu hitung panjang antara 65-80%.

Mahathir boleh meminta Bank Bumiputra memindahkan hakmilik harta UMNO 46 kepada UMNO Baru dengan cara undang-undang. Katalah tidak ada

orang lain yang mampu menawarkan harta itu lebih dari \$308 juta kecuali UMNO Baru maka UMNO Baru dengan mudah mendapatkan pinjaman baru berjumlah \$308 juta ataupun lebih sedikit dari itu dari bank yang sama. Bank Bumiputra tetap akan memberi pinjaman itu sebab yang memohonnya ialah Perdana Menteri dan orang yang berkuasa. Sekiranya jadi lelongan harta UMNO 46 tersebut dengan mudah saja Mahathir mendapatkan harta UMNO 46 dengan cara seperti di atas. Hutang UMNO 46 lansai, dan UMNO Baru mengambilalih harta tersebut menurut kuatkuasa mahkamah.

Inilah cara yang paling mudah dan secara undang-undang yang memungkinkan Mahathir dan UMNO Baru memperaitkan harta UMNO 46 itu sekiranya bekas ahli-ahli UMNO 46 yang berjuang bersama Tengku Razaleigh masih tidak mahu berpihak kepada kepimpinan Mahathir. Soal maruah dikesampingkan kerana kekuasaan. Kewibawaan kepimpinan juga tidak penting. Yang penting ialah kuasa, dan inilah yang dikatakan 'tujuan menghalalkan cara'.

Tapi para pejuang Semangat 46 jangan terlalu sedih kalau kompleks UMNO dilelong kerana para pemegang amanah harta UMNO tidak bertanggungjawab untuk memperjuangkan kepentingan ahli-ahli UMNO 46. Mahathir dan kuncu-kuncu boleh memperaitkan harta UMNO yang bernilai \$1,000 juta itu. Harta dunia tidak boleh dijadikan cagaran untuk mendapat rahmat di akhirat apa lagi kalau harta itu dimiliki secara tidak adil menurut neraca Islam. Tidak ada penguasa di muka bumi ini yang lebih perkasa dari Allah dan Allah akan menentukan nasib setiap insan kelak kalau tidak di dunia akan berlaku juga di akhirat.

Tapi bekas ahli UMNO 46 jangan menyerah kalah kepada ugutan dan tekanan dari mana-mana pihak pun yang mahu memaksa mereka meninggalkan perjuangan yang benar dan luhur untuk memaut kepimpinan yang mungkar. Biarlah harta UMNO 46 dilelong oleh bank dan diperait oleh UMNO Baru tetapi tindakannya itu akan mencebarkan juga kepimpinan Mahathir. Tembeng Mahathir terdedah kepada seluruh rakyat Malaysia dan semua orang yang berfikiran waras akan tahu betapa gelojohnya kepimpinan UMNO Baru untuk mengambilalih harta UMNO 46 hasil dari perjuangan dan pengorbanan beribu-ribu para pejuang Melayu di masa lampau itu.

Para pejuang Semangat 46 juga perlu bertanya kepada Mahathir, Ghafar Baba, Sanusi Junid dan Daim Zainuddin yang menjadi pemegang amanah UMNO 46 dalam Syarikat Hatibudi Sdn Bhd yang memiliki sebahagian besar dari saham United Engineers (M) Berhad. United Engineers mendapat kontrak pembinaan lebuh raya Utara Selatan yang bernilai \$3,400 juta ringgit, dan kerajaan telah memberi pinjaman pendahuluan sebanyak lebih kurang \$1,750 juta kepada United Engineers ini untuk membina lebuh raya yang menjadi projek kontroversial itu.

United Engineers diberi hak selama 30 tahun untuk mengambil tol bagi lebuh raya tersebut dan keuntungan ditaksirkan melebihi ratusan juta ringgit dalam masa tersebut. Kalau Mahathir dan pemegang amanah UMNO 46 jujur dalam kepimpinan mereka tentulah hutang \$308 juta kepada Bank Bumiputra itu boleh diselesaikan dengan mudah melalui keuntungan dari pendapatan United Engineers itu di samping keuntungan dari penyewaan kompleks UMNO di Jalan Sultan Ismail.

Tapi siapakah yang sebenarnya mendapat keuntungan lumayan dari Syarikat Hatibudi Sdn Bhd itu? UMNO 46 ataupun empat orang pemegang amanah syarikat tersebut? Ini harus dijelaskan oleh Mahathir dan lain-lain pemegang amanah tersebut. Mereka tidak boleh berkata bahawa Syarikat Hatibudi Sdn. Bhd rugi sebab semua orang tahu monopoli yang diberikan kepada United Engineers untuk mengutip tol selama 30 tahun. Malah hari ini pun saham United Engineers yang didagangkan di Bursa Saham K. Lumpur melambung naik ke paras lebih dari \$3.00 sesaham.

Dari sumber Semangat 46 dikatakan Tengku Razaleigh, bendahari UMNO 46 dulu, telah menyerahkan simpanan tetap UMNO 46 sebanyak \$70 juta dan nilai saham UMNO 46 sebanyak \$100 juta kepada Daim Zainuddin yang mengambilalih sebagai bendahari UMNO 46. Ke mana perginya wang UMNO 46 itu? Apakah tindakan yang bijaksana dilakukan oleh Daim Zainuddin untuk menambah harta dan keuntungan UMNO 46 dari simpanan tetap dan nilai saham yang banyak itu?

Fleet Group dimiliki lebih 70% oleh UMNO 46. Dalam Fleet Group terdapat Bank of Commerce dan berpuluh-puluh anak syarikat yang lain yang dimiliki oleh UMNO 46. Waktu Tengku Razaleigh memimpin Fleet Group keuntungan syarikat kumpulan ini berpuluh-puluh juta setahun dan hutangnya cuma sekitar \$67 juta tetapi harta milikannya melebihi \$450 juta. Puan Marina Yusof telah mendedahkan kepada Presiden UMNO 46, Dr. Mahathir dalam suratnya bahawa Fleet Group mengalami kerugian yang sangat parah - lebih dari \$450 juta sejak Daim mengambilalihnya. Berbagai manipulasi didedahkan oleh Puan Marina dalam suratnya itu untuk menunjukkan bahawa ada sesuatu yang tidak

beres dalam Fleet Group.

Apakah tindakan Mahathir untuk mengatasi kerugian yang maha besar dalam syarikat kepunyaan UMNO 46 itu dulu dan juga sekarang? Diam saja? Buat tak tau? Jangan melayani surat Puan Marina? Pura-pura tak ada masalah atau apa? Juga para pejuang Semangat 46 ingin tahu mengapa Mahathir, Daim Zainuddin, Musa Hitam dan Sanusi Junid sanggup menghadapi lelongan harta UMNO 46 di Jalan Tun Ismail tetapi tidak mahu mendedahkan berbagai penyelewengan dan kerugian dalam Fleet Group? Kedua-duanya kepunyaan UMNO 46, tetapi mengapa tidak bertindak terhadap kerugian besar di Fleet? Mengapa tidak mahu memberitahu kepada semua ahli UMNO, lama dan baru, tentang keuntungan dan kerahsiaan yang menyelubungi Syarikat Hatibudi Sdn Bhd yang mempunyai saham terbesar dalam United Engineers (M) Berhad itu?

Janganlah menyalahkan pejuang-pejuang Semangat 46 kalau mereka mempertikaikan kepimpinan Mahathir. Terlalu banyak tindakan Mahathir yang berbau politik, ekonomi, agama dan undang-undang yang menimbulkan keraguan dan kebimbangan di kalangan rakyat kerana tindakannya itu lebih menonjolkan kepentingan kekuasaan Mahathir dari kepentingan rakyat banyak. Amalan dan ucapan tidak seiring jalan. Malah banyak yang bertentangan hingga menimbulkan tandatanya ke arah manakah Mahathir hendak membawa nasib bangsa dan kerajaan Malaysia ini?

Dalam satu nafas Mahathir menghulurkan tangan untuk berbaik-baik dengan para penentangannya tetapi bila berada di tengah-tengah kelompok semarak dia mengecam para penentangannya habis-habisan. Sekarang dia membenarkan pula harta kompleks UMNO 46 dilelong oleh Bank Bumiputra kerana kononnya tidak

dapat membayar hutang sebanyak \$308 juta. Dan besar kemungkinan mat-mat setia UMNO Baru akan berke-
liaran seluruh negara untuk mendesak dan menim-
bulkan kebimbangan kepada pejuang-pejuang Sema-
ngat 46 supaya menyertai UMNO Baru. Kalau tidak
mereka diugut bahawa para pejuang tersebut terpaksa
menanggung beban hutang yang banyak. Inilah sandi-
wara politik yang sedang dipentaskan oleh UMNO
Baru dengan Mahathir sebagai pengarahnya.

**Ya, harta boleh dicari. Tidak perlu menjadi ahli
UMNO Baru untuk mendapat rahmat dan men-
dapat harta kerana semuanya ditentukan oleh Al-
lah azawajalla. Yang penting setiap insan mesti
mempunyai maruah dan prinsip dalam perjuang-
an, tidak berlaku zalim dan menghargai keadilan
serta ada rasa kemanusiaan sesama insan. Para
pejuang UMNO 46 tidak perlu membayar atau
menanggung bebanan hutang sebanyak \$308 juta
itu. Biarlah Bank Bumiputra melelongnya dan nanti
lihat siapakah yang akan mengambilalih harta
UMNO 46 yang menjadi simbol dari pengorbanan,
titik peluh, darah dan air mata ratusan ribu bekas
ahli-ahli UMNO 46 yang lalu dan yang sedang
memperjuangkan nasib bangsa, agama dan tanahair
sekarang.**

Takdirnya Allah merestui perpaduan ummah antara
Semangat 46 dengan PAS untuk menghadapi ke-
mungkinan politik dan ekonomi dan menghadapi
pilihanraya akan datang maka, dengan berkat doa, sem-
bahyang hajat dan bacaan yasin para rakyat semua,
akan lahirlah nanti kerajaan baru untuk menggantikan
kerajaan sekarang. Insya-Allah segala-galanya terletak
pada kemahuan Allah Yang Maha Besar.

Mahathir tidak melihat implikasi tindakannya

membiarkan Bank Bumiputra melelong harta UMNO 46 itu dari segi politik antarabangsa. Reaksi dari para pelabur asing dan juga kerajaan-kerajaan asing tentulah negatif kerana seorang pemimpin parti merangkap Perdana Menteri sanggup membiarkan harta kepunyaan partinya dilelong oleh sebuah bank tempatan. Tentulah berita tersebut menimbulkan kebimbangan terhadap para pelabur asing kerana kalau harta parti sendiri boleh dilelong apakah ada jaminan terhadap penanaman modal di Malaysia ini di mana kestabilan politik nampaknya semakin lemah?

Tindakan Mahathir akan menimbulkan ketakutan kepada para pelabur asing untuk melabur di sini. Kalau harta parti tidak dapat dijaga dengan baik dan menimbulkan ketegangan baru pula dalam parti UMNO sendiri tentulah para pelabur tidak menganggap Malaysia sebuah negara yang baik untuk melabur.

Tentulah laporan-laporan akhbar dan majalah asing dan laporan-laporan dari kedutaan-kedutaan asing negatif terhadap Malaysia memandangkan tindak-tanduk Mahathir yang terus menerus menimbulkan berbagai kontroversi dan isu-isu yang memecahbelahkan rakyat itu. Isu yang menyangkutpautkan UMNO dan orang Melayu bukanlah isu kecil seperti isu keranda kosong dalam MIC. Isu dan perpecahan Melayu dianggap sebagai isu nasional yang boleh menggugat kestabilan politik negara dan boleh menimbulkan reaksi negatif di kalangan para pelabur asing dan juga negara-negara asing terhadap kepimpinan Malaysia.

Mahathir mungkin hendak menggunakan isu lelongan harta UMNO 46 ini untuk menyalahkan Tengku Razaleigh yang tidak mahu tunduk kepada kepimpinannya. Barangkali dia hendak menunjukkan kepada masyarakat umum bahawa sekiranya UMNO 46 tidak

diharamkan oleh Mahkamah Tinggi tentulah harta UMNO 46 tidak akan dilelong.

Kalau itulah tujuan Mahathir dia salah sasaran. Pengharaman UMNO 46 bukan kerana Tengku Razaleigh atau Orang Sebelas. Mahathir boleh memulihkan kembali UMNO 46 kalau dia mahu kerana dia mempunyai kuasa mutlak sebagai Menteri Dalam Negeri untuk memulihkan UMNO 46 menurut kekuasaan yang diberikan oleh Akta Pertubuhan 1966, fasal 70. Menurut fasal 70 Menteri Dalam Negeri boleh mengecualikan mana-mana pertubuhan dari tertakluk kepada mana-mana fasal dalam Akta tersebut walaupun Mahkamah Tinggi dapati UMNO 46 itu haram. Ini kuasa yang ada pada Mahathir tetapi dia sengaja tidak mahu menggunakan kuasa ini untuk menghidupkan semula UMNO 46. Kalau UMNO 46 hidup semula bermakna dia akan menghadapi cabaran baru dari Tengku Razaleigh dan lain-lain pejuang Semangat 46. Dan Mahathir bimbang besar kemungkinan dia akan gagal untuk mempertahankan kerusi Presidennya dan sekaligus istana hinggap yang bernama Sri Perdana yang bernilai lebih dari \$24 juta itu.

Jawapan Mahathir di Parlimen sewaktu Tengku Razaleigh membentangkan usul peribadinya memohon dipinda Akta Pertubuhan 1966 itu meleset sekali bila-mana Mahathir berkata bahawa dia sebenarnya tidak mahu menentang undang-undang negara dan keputusan mahkamah. Siapa meminta dia menentang keputusan mahkamah? Yang diminta oleh Tengku Razaleigh ialah menggunakan kuasa yang diberikan dalam Akta Pertubuhan 1966 itu menurut fasal 70 yang menghalalkan Menteri Dalam Negeri untuk memulihkan semula UMNO 46. Itu kuasa yang wujud dalam Akta tersebut dan tidak ada kena-mengena dengan keputusan mahka-

mah.

Nampaknya Mahathir akan melakukan apa saja untuk mempertahankan kekuasaan politiknya. Pelelongan harta UMNO 46 nampaknya menjadi isu baru menjelang tahun 1989 dan sebelum pilihanraya kebangsaan dalam masa yang dekat. Bagi pemimpin yang berjiwa besar yang meletakkan kepentingan bangsa, negara dan agama di atas segala kepentingan diri tentulah tidak akan membiarkan sebuah bank melelongkan harta kepunyaan UMNO 46 itu.

Sebaik-baiknya Mahathir juga harus berfikir bahawa harta tersebut adalah kepunyaan ratusan ribu orang Melayu yang menjadi ahli UMNO 46 dulu termasuk juga Mahathir. Tunku Abdul Rahman Putra mengorbankan 14 buah rumah kedainya untuk membiayai dan menghidupkan UMNO 46 dulu. Tengku Razaleigh Hamzah sendiri menyerahkan Syarikat Fleet dan Bank of Commerce kepunyaan keluarganya untuk UMNO. Dan beribu-ribu orang lain juga menyumbangkan sesuatu untuk parti itu di masa lampau. Malah Mahathir juga memperolehi kedudukan dan kuasa sekarang pun adalah hasil dari perjuangannya dalam UMNO 46. Inilah sejarahnya yang sebenar, dan bukan ciptaan seseorang tokoh yang gelojoh untuk berkuasa selama-lamanya. Inilah bukti-bukti nyata yang mempunyai nilai maruah dan harga diri. Ini bukan mainan songlap, silap mata nombor wahid seperti songlapnya penglelongan harta UMNO 46 itu.

Tindakan Mahathir itu tidak akan membawa perpaduan ataupun persefahaman yang lebih baik antara bekas ahli-ahli UMNO 46 dengan hasrat UMNO Baru ciptaan Mahathir. Ia akan memburukkan lagi keadaan, meruncingkan lagi perbalahan antara kedua pihak dan menjauhkan lagi semangat ukuwah Islamiah antara

kedua golongan.

Ada orang berpendapat Mahathir bukan pemimpin yang boleh menyatupadukan ummah yang berasaskan ajaran Islam yang mulia oleh kerana dia bertindak menurut keperluan politikanya semata-mata. Justeru itu, kata mereka, kenyataan-kenyataan Mahathir seringkali bercanggah antara satu dengan lain. Mahathir lebih suka mengamalkan dasar 'pecah dan memerintah' seperti penjajah kerana dengan cara demikian dia tetap menjadi pelindung dan terus berkuasa selagi rakyat Malaysia mempercayai kata-katanya dan menjunjung tinggi kepimpinannya.

Isu pelelongan harta UMNO 46 ini menjadi bukti nyata bahawa Mahathir akan terus menerus mengganyang musuh-musuh politikanya dengan membawa maksud menang jadi abu kalah jadi arang. Mahathir tidak akan senang hati selagi cabaran terhadap kepimpinannya tidak ditumpas. Dia mahu seluruh rakyat Malaysia dari berbagai keturunan memuja dan menyanjung dirinya dan menerima segala dasar dan tindakan politikanya tanpa bantahan apa-apa.

Mahathir tidak bimbang terhadap pengaruh Musa ataupun Shahrir yang cuma menjadi wira 'part time' itu. Dia hanya bimbang menghadapi Tengku Razaleigh Hamzah, anak raja yang berjiwa rakyat, yang berjuang di luar tembok istana dan sanggup berhabis-habisan untuk menentang kemungkaran politik dan ekonomi yang dilakukan oleh pimpinan Mahathir sekarang ini.

Tengku Razaleigh mempunyai para pengikut yang setia seluruh negara. Mereka tidak berombang-ambing dalam kesetiaan kepada kepimpinannya. Beliau juga tidak berminat untuk menjadi menteri dalam kabinet Mahathir kerana beliau tidak yakin dengan kepimpinan Mahathir. Beliau ada maruah, ada prinsip dalam per-

juangan dan tidak bermain mata dengan Mahathir untuk mencari peluang meneruskan kerjaya politiknya seperti setengah para pemimpin yang lemah semangat dan berjiwa oportunist. Tengku Razaleigh bukan pemimpin burung tiang yang bersuara dan mengulang-ulang apa yang diucapkan oleh tuannya.

Maruah dan harga diri seorang pemimpin amat penting. Ia bukan barang dagangan seperti getah, kelapa sawit ataupun bijih timah walaupun setengah pemimpin politik boleh diibaratkan sebagai barang dagangan seperti itu. Ada antara mereka menjadi seperti barang lambak di pasar borong lantaran mereka tidak mempunyai harga diri, maruah dan kewibawaan sebagai pemimpin nombor wahid. Pemimpin-pemimpin yang lemah semangat, berjiwa hamba, oportunist seperti ini banyak terdapat dalam UMNO Baru dan barangkali juga akan ditambah jumlahnya pada tahun 1989 ini.

Mahathir membuka dadanya untuk menerima dengan senang hati orang-orang seperti ini yang termasuk dalam kategori barang-barang lambak di pasar borong. Mereka akan patuh sepatuh-patuhnya, menjerit, melompat dan menyanyi lagu 'Setia' bila-bila masa saja. Mereka bukan pencabar Mahathir.

Tengku Razaleigh Hamzah sahaja yang membimbangkan Mahathir selagi Mahathir berkuasa di bumi Malaysia ini. Inilah yang memeningkan kepala Mahathir.

BAB ENAM

PENENTUAN NASIB MELAYU DAN ISLAM

Bangsa Melayu masih mempunyai pilihan lain untuk menempah sejarah gemilang bagi perjuangan bangsa, agama dan tanahair. Kekuatan ummah tidak dapat dicapai melalui UMNO Baru kerana semangat dan perjuangan kepimpinannya lebih terarah kepada kekuasaan mutlak kepada seorang sang tokoh. Ini berlawanan dengan semangat demokrasi dan juga Islam. Para khali-fah Islam di zaman lampau tidak pernah memusatkan kekuasaan kepada ketokohan kepimpinan mereka sehingga menjadikan mereka sebagai diktator. Mereka menimba kekuatan semangat dari ajaran Islam dan berjuang atas ukuwah Islamiah yang luhur.

UMNO Baru gagal dalam perjuangan seperti ini kerana semangat ukuwah Islamiah itu hanya menjadi mainan bibir untuk memukau rakyat supaya menyerahkan nasib mereka dan keturunan mereka kepada kebijaksanaan seorang sang tokoh yang dianggap maha perkasa di atas muka bumi ini. Semangat musyawarah yang menjadi asas dalam budaya Melayu dan Islam tidak menjadi pegangan lagi oleh kerana

mereka tidak mahu manusia-manusia lain memberi pandangan dan idea-idea yang berlawanan dengan nafsu dan kegelojohan sang tokoh. Maka pudarlah semangat ukuwah Islamiah itu. Yang menjulang ke angkasa dan dibawa oleh angin lalu hanya suara-suara burung tiong atau burung murai tercabut ekor yang terbang tanpa pedoman.

Oleh itu para pejuang Semangat 46 perlu mengambil iktibar dari kemungkaran politik dan ekonomi itu supaya jangan membiarkan jiwa mereka dirasuk oleh hantu, jembalang dan puaka dari semangat yang berlawanan dengan ajaran Islam yang sebenar. Perjuangan apa pun mestilah kerana Allah dan bukan kerana kepentingan diri yang tidak ada batas kegelojohnya itu. Kekuasaan akan hancur, cita-cita akan berkecai, kepentingan rakyat akan dihapuskan sekiranya para pemimpin politik mengabaikan seruan Allah dan kekuasaan Allah azawajalla.

Allah tidak pernah mungkir janji-Nya. Yang selalu mungkir dan menjadi mungkar adalah manusia yang memerintah manusia-manusia lain. Betapa banyak alim ulama sekarang yang turut melanjutkan kemungkaran walaupun mereka mempunyai kuasa dan kedudukan untuk menegur segala perbuatan yang mungkar itu. Mereka juga terjebak dan menjadi subahat dalam melanjutkan kemungkaran-kemungkaran tersebut.

Rakyat Malaysia hanya menunggu masa yang baik untuk mencari alternatif kepada UMNO Baru dan Barisan Nasional untuk membentuk dunia baru yang berasaskan perpaduan ummah yang kukuh, yang mempunyai maruah dan harga diri di samping membuka pintu demokrasi yang lebih luas dari sekarang.

Orang-orang Melayu terutama sekali mengha-

rapkan PAS dan Semangat 46 bersatu tenaga, semangat dan tekad untuk memupuk perpaduan ummah berdasarkan keluhuran Islam. Ini saja jalan yang paling baik dan yang boleh menentukan sejarah gemilang bagi bangsa Melayu, agama Islam dan negara Malaysia yang tercinta. Oleh kerana perpaduan itu berasaskan Islam maka ia lebih mudah menyimpulkan silaturrahim dan keyakinan bagi kedua pihak kerana Islam menentang segala kemungkaran dan tindakan yang bersumber pada nafsu kekuasaan yang melampaui batas. Kedua-dua golongan ini juga menolak kepimpinan Mahathir sebagai pemimpin yang boleh menyelamatkan bangsa Melayu, kepentingan Islam dan juga kepentingan Malaysia.

Perlulah diingat bahawa berbagai tohmah, kecaman dan penindasan akan dilakukan oleh mereka yang berkuasa untuk menghancurkan perpaduan ummah antara PAS dan Semangat 46 ini. Mereka akan menabur fitnah apa saja untuk melihat kegagalan ikatan batin ini kerana mereka sedar kalau PAS dan kumpulan Tengku Razaleigh bersatu tenaga UMNO Baru akan menghadapi saingan yang kuat untuk mempertahankan semua kerusi yang dimenangnya pada tahun 1986 yang lalu.

Allah tidak menganugerahkan kekuasaan hanya kepada UMNO Baru dan Barisan Nasional. Kuasa itu bukan hak kekal untuk mereka. Kuasa yang kekal abadi hanya hak Allah dan Allah boleh memberikan hak kuasa itu kepada siapa saja yang Ia ingini. Tetapi para pemimpin UMNO Baru begitu takbur sekali dalam kenyataan-kenyataan mereka seolah-olah kuasa itu hak mutlak UMNO Baru. Inilah gejala-gejala keruntuhan para pemimpin mereka yang engkar terhadap kekuasaan Allah.

Oleh itu para pejuang Semangat 46 dan para-pejuang PAS lainnya mesti bekerja keras untuk membangunkan semula kesedaran rakyat bahawa mereka boleh menjadi golongan alternatif kepada UMNO Baru dan BN. Penerangan-penerangan yang betul dan jelas mestilah diberikan supaya rakyat tidak dipengaruhi oleh fitnah dan pandangan-pandangan yang mengelirukan oleh penentang-penentang perpaduan ummah ini.

UMNO Baru hanya boleh berkuasa kalau rakyat Melayu terus berpecah-belah. Ini amalan para pemimpin mereka. Justeru itu dalam tubuh UMNO Baru sendiri terdapat berbagai pemimpin yang cuba membunuh kerjaya politik teman-teman yang lain supaya mereka lebih terserlah dan menjadi kuat dalam parti dan juga kerajaan. Benteng UMNO Baru tidak pejal seperti yang disangkakan kerana terlalu banyak pemimpinnya yang bernafsu besar untuk menghancurkan musuh-musuh politik mereka dalam tubuh UMNO Baru sendiri.

Anwar Ibrahim tidak senang dengan kehadiran Datuk Abdullah Badawi dan mencari jalan untuk memencilkan peranan Dollah. Ghafar Baba juga tidak disenangi oleh Anwar kerana kedudukan Ghafar sebagai Timbalan Perdana Menteri. Mohamed Rahmat juga bercita-cita tinggi untuk menjadi bakal Perdana Menteri kalau tidak pun sebagai Timbalan Perdana Menteri kelak. Justeru itu dia sangat aktif memuja kepimpinan Mahathir dan bersemarak ke sana sini untuk menaikkan imejnya. Sanusi Junid juga bercita-cita tinggi dan dia juga tidak senang kalau kedudukannya dalam politik UMNO Baru digerhanai oleh Anwar Ibrahim, Dollah Badawi ataupun Mohamed Rahmat. Daim Zainuddin juga berpaut pada Mahathir. Selagi Mahathir berkuasa dia tetap menjadi orang penting kepada Mahathir dan

penasihat kanan kepada Mahathir. Kedudukannya juga dicemburui oleh setengah menteri UMNO Baru.

Memanglah kebanyakan orang kampung tidak memahami atau tidak tahu sepak terajang dan permusuhan antara para pemimpin UMNO Baru itu. Akhbar-akhbar propaganda yang dikuasai oleh Mahathir tidak menyiarkan keretakan dalam pimpinan itu. Walaupun ada antara para pemimpin UMNO Baru tidak suka kepada stail kepimpinan Mahathir namun mereka terpaksa senyum-senyum juga dan menari menurut rentak Mahathir kerana hendak menjaga kedudukan masing-masing. Mereka tidak berupaya hendak menentang kepimpinan Mahathir kerana mereka juga mempunyai kecacatan yang menjolok sebagai pemimpin politik.

Dan sekiranya Musa Hitam dan Shahrir menjadi anggota UMNO Baru pergolakan dalam politik parti itu akan menjadi lebih ketara lagi. Pemimpin-pemimpin yang memuja Mahathir selama ini tentulah kurang senang dengan kehadiran Musa di tengah-tengah mereka. Banyak bimbang kalau Musa dapat mempengaruhi suasana politik dalam UMNO Baru dan Mahathir melantik orang Johor itu kembali sebagai bakal Perdana Menteri di masa depan sekiranya BN menang lagi. Shahrir pun bukanlah popular sangat di kalangan setengah pemimpin UMNO Baru, dan besar kemungkinan Mahathir juga terpaksa menerimanya kerana terdesak oleh keadaan untuk menjaga kepentingan politik Mahathir sendiri.

Yang penting sekali para pejuang Semangat 46 dan PAS mesti terus meningkatkan lagi barisan perjuangannya untuk menghadapi cabaran politik yang semakin gawat menjelang pilihanraya akan datang. Walaupun Semangat 46 bukan sebuah parti politik namun ke-

setiaan ratusan ribu para pejuang yang terdiri dari bekas ahli-ahli UMNO dan sokongan sebahagian besar dari orang-orang Melayu yang tidak berparti akan menjamin kelanjutan perjuangannya.

Lagi banyak kemungkaran politik dan ekonomi yang dilakukan oleh kepimpinan Mahathir lagi banyak orang-orang Melayu dan bukan Melayu yang dulunya menyokong BN akan berpaling tadah dan memberi undi mereka kepada pejuang-pejuang Semangat 46, PAS dan lain-lain parti pembangkang. Banyak kerusi yang dimenangi oleh UMNO Baru di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, Perak dan lain-lain hanya dengan majoriti yang kecil. Tentulah kedudukan mereka menjadi lebih mencemaskan lagi untuk menghadapi pilihanraya akan datang.

Itulah sebabnya Tan Sri Muhammad Yaacob, Menteri Besar Kelantan, seperti cacing kepanasan dan sukar mengawal keadaan di negeri Cik Siti Wan Kembang. Beberapa kerat tokoh-tokoh kecil yang berstatus ikan seluang di negeri itu menjadi panik bila mengetahui Semangat 46 bergabung tenaga dengan PAS. Banyak meramalkan bahawa UMNO Baru akan kecundang di Kelantan dan Terengganu kelak dan banyak pula kerusi yang diduduki oleh UMNO Baru akan berpindah milik kepada calon Semangat 46 dan PAS nanti.

Dalam keadaan yang gawat seperti sekarang jangan pula hairan kalau Hamim dan Berjasa berpihak kepada PAS dan Semangat 46 kerana kehadiran mereka dalam BN selama ini tidak memberi faedah yang besar. Yang mendapat faedah barangkali Asri dengan kafilah kecilnya saja.

Inilah waktu yang paling baik dan sesuai sekali bagi seluruh orang-orang Melayu berfikir secara serius dan bertanggungjawab untuk menentukan masa depan

bangsanya, supaya memulihkan maruah, wibawa dan penghormatan orang ramai. Kepimpinan sekarang gagal untuk memberi 'dignity' kepada bangsa Melayu dan juga agama Islam lantaran kebanyakan dari para pemimpin secara sedar mencabuli aspirasi rakyat Melayu. Mahathir tidak mampu untuk mewujudkan perpaduan ummah yang sebenarnya sejak ia menang dengan kelebihan 43 undi. Kepimpinan Mahathir tidak menjamin keutuhan Melayu tetapi sebaliknya memusatkan kuasa dan kekayaan kepada segolongan kecil elit politik yang bersekongkong dengannya.

Kedudukan Raja-raja Melayu tidak pernah dicemari oleh kepentingan politik sesuatu pihak sebelum ini. Sekarang sudah jadi lain dari yang lain. Rakyat Malaysia menghormati institusi Raja-raja Melayu dan menerima baik kehadiran baginda semua. Tidak ada seorang pun yang menentang institusi yang unik ini. Tetapi janganlah pula institusi ini menjadi medan baru bagi setengah pemimpin politik untuk mewarnai institusi ini demi menjaga kepentingan politik mereka dan kekuasaan mereka.

Anwar Ibrahim berkata bahawa Tengku Razaleigh telah menyeleweng dari Semangat UMNO 46 kerana bekerjasama dengan PAS, sebuah parti pembangkang Melayu dan Islam. Tanya kepada Anwar Ibrahim apakah salahnya Semangat 46 berjuang bersama-sama orang Melayu yang beragama Islam itu? Bukankah persaudaraan dalam Islam itu dikehendaki oleh Allah? Bukankah Anwar sendiri pernah menumpang 'platform' PAS sewaktu menentang UMNO dulu? Bukankah Anwar selaku pemimpin ABIM sering bercakap tentang Islam sebagai 'addin', dan ke manakah perginya 'addin' itu sekarang ini? Apakah UMNO Baru benar-benar memperjuangkan 'addin' seperti yang dimengertikan oleh

Anwar atau ada kepentingan lain yang lebih afdhal dari 'addin' itu?

Kalau UMNO Baru boleh bekerjasama dengan MIC dan MCA yang tidak ada seorang pun Melayu sebagai ahlinya dan bukan Islam pula mengapa pula Anwar Ibrahim yang kononnya seorang pejuang Islam berasa cemas bila Semangat 46 bekerjasama dengan PAS yang kedua-duanya terdiri dari golongan Islam? Di sini nyatalah kepada orang ramai, khususnya orang-orang Melayu, bahawa ada pemimpin UMNO Baru yang anti perpaduan ummah dan berusaha untuk membawa perpecahan ummah.

Serangan-serangan anti perpaduan ummah seperti Anwar Ibrahim ini akan lebih meningkat lagi dari masa ke semasa. Tapi para pejuang Semangat 46 dan PAS jangan hilang pedoman untuk mencari perpaduan ummah yang luhur dan suci itu. Biar taufan melanggar bahtera perpaduan ummah kalian jangan sekali-kali patah semangat. Ini ujian dari Allah dan Allah Maha Tahu apa yang berlaku. Jangan gentar menghadapi cabaran dari mereka yang anti perpaduan ummah tersebut kerana UMNO Baru hanya boleh hidup dan berkuasa bila perpecahan ummah berterusan seperti sekarang.

Pihak musuh akan memasang berbagai jenis jerat, termasuk jerat samar, untuk melumpuhkan semangat para pejuang Semangat 46 dan PAS. Mereka akan berikhtiar untuk menghancurkan perpaduan ummah itu. Bersabarlah dan berhati-hatilah bila menempuh serangan dan cabaran yang datang bertubi-tubi itu.

Kuatkan iman, banyakkkan sembahyang hajat, membaca yasin dan doa kepada Allah agar Allah memberkati perjuangan yang luhur itu. Tidak ada perjuangan yang tidak ada pengorbanan. Akan lahir nanti berbagai tokoh munafik di tengah-tengah medan per-

juangan untuk melemahkan semangat para pejuang yang ramai itu. Jangan tunduk dalam kekecewaan. Tabahkan hati dan kembali mencari kekuatan dalam ajaran Islam yang maha suci itu.

Setiap serangan yang dibuat terhadap perpaduan ummah oleh pihak musuh perlulah dikaji secara teliti dan tangkislah serangan mereka itu berdasarkan perjuangan Islam sejati. Tapi jangan sekali-kali mengkhianati perpaduan yang kukuh antara Semangat 46 dengan PAS. Segala tindakan politik perlulah bijaksana, teratur rapi sesuai dengan semangat perpaduan ummah tersebut.

Rakyat Melayu dan bukan Melayu sudah bosan dengan kepimpinan BN. Mereka muak dengan sandiwara politik orang-orang ini. Mereka hanya menunggu waktu untuk mengubah selera politik mereka. Walaupun Semangat 46 bukan sebuah parti politik tetapi dengan bekerjasama dengan PAS kedua golongan Melayu yang berjuang atas prinsip Islam akan menjadi suatu kekuatan yang perkasa untuk menumbangkan kerajaan BN kelak.

Oleh kerana Malaysia masih ada sedikit lagi nafas demokrasi yang membolehkan rakyatnya membuang undi sekali dalam lima tahun maka bolehlah rakyat Malaysia menentukan sejarah politik negara melalui undi-undi mereka kelak. Adalah hak rakyat untuk memilih parti politik mana sekalipun untuk mentadbir negara ini. Kalau rakyat membenci kemungkaran politik dan ekonomi yang dilakukan oleh para pemimpin BN sekarang ini maka bolehlah mereka memilih PAS dan Semangat 46 kelak sebagai parti alternatif kepada BN untuk memerintah negara ini.

Silaturrahim yang terjalin antara Semangat 46 dan PAS sekarang ini mestilah berkekalan untuk menjamin

ketuanan Melayu dalam politik negara dan sekaligus menghapuskan berbagai kemungkaran politik dan ekonomi yang berleluasa sekarang. Inilah harapan semua orang Melayu yang terseksa batin mereka kerana gejala-gejala buruk yang berlaku dalam masyarakat sekarang ini.

KARYA-KARYA YAHAYA ISMAIL YANG LAIN

Anda boleh memesan terus karya-karya Yahaya Ismail kepada kami. Kami beri potongan 10% dari harga buku yang tercatat. Harga tercatat termasuk ongkos pengiriman. Mudah dan cepat sekali.

- | | |
|--|--------|
| 1. Politik Islam di Sabah | \$8.90 |
| 2. Ke Mana Melayu Pulau Pinang? | \$7.90 |
| 3. Dilema Mahathir | \$6.50 |
| 4. Politik UMNO: Melayu Tergugat | \$9.90 |
| 5. Maharaja Beruk dan Beruk-beruk
Lainnya | \$6.00 |
| 6. Siapa Presiden UMNO | \$3.00 |

Daftarkan nama anda dengan kami untuk memesan buku-buku politik terbitan Dinamika akan datang. Kami akan hubungi anda kelak bila terbit buku-buku baru nanti.

Kirimkan pesanan anda dengan MO/PO kepada Dinamika Kreatif Sdn. Bhd. (setelah dipotong 10%) dan kami akan mengirimkan segera pesanan anda itu.

Lain-lain buku Yahaya Ismail dalam persiapan

- The Cultural Heritage of Malaysia
- The Challenge Against Mahathir
- Politik Buah Ketior di Perak
- Maharaja Beruk Part Two

30 MAY 1988